

ISI KANDUNGAN

1-2	Perutusan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
3-4	Perutusan Pengerusi
5-6	Kata-Kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif
	Maklumat Korporat
7	Visi, Misi dan Objektif
7	Piagam Pelanggan
8	Fungsi-fungsi
9-10	Anggota Perbadanan Labuan
11	Jawatankuasa Audit
12	Ahli Majlis Penasihat
13-18	Kumpulan Pengurusan
19	Carta Organisasi
	Laporan Aktiviti Jabatan
	OPERASI
21-30	Jabatan Pentadbiran
31-36	Jabatan Pengurusan Kewangan dan Akaun
37-42	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
43-46	Jabatan Pengurusan Maklumat
47-50	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
51-58	Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian
59-60	Jabatan Penguatkuasa
61-66	Perpustakaan Awam
	PEMBANGUNAN
67-74	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
75-82	Jabatan Kejuruteraan dan Projek
83-88	Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi
89-94	Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan
95-98	Unit Penyelarasaran, Pemantauan, Penilaian dan Kajian Impak
99-100	Jabatan Audit Dalam
101-102	Pejabat Penasihat Undang-Undang
103-108	Jabatan Hal Ehwal Korporat
110-130	Penyata Kewangan

PERUTUSAN YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syabas dan tahniah kepada Perbadanan Labuan kerana telah menghasilkan penerbitan Buku Laporan Tahunan 2010. Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, maklumat dan isi kandungan dalam buku laporan ini merupakan rujukan dan panduan untuk melihat sejauh mana pencapaian Perbadanan Labuan selaku menjalankan fungsi dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga *lead agency* di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sejajar dengan agenda dan visi pembangunan 7P yang telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, agenda pembangunan ini perlu dilaksanakan di ketiga-tiga wilayah persekutuan bagi menjamin kesaksamaan dan keseimbangan pembangunan kepada setiap warga wilayah persekutuan. 7P merujuk kepada Pembangunan, Perumahan, Pengangkutan Bandar, Penyelenggaraan, Penguatkuasaan, Penjaja dan Peniaga Kecil serta Prihatin. Justeru itu, Perbadanan Labuan perlu memasukkan aspek 7P dalam perancangan dan hala tuju pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan dan saya percaya perkara ini sememangnya telah diambil tindakan yang sewajarnya seperti penjaja dan peniaga kecil, penyelenggaraan, pembangunan dan lain-lain lagi memandangkan sebahagian besar fungsi dan tanggung jawab Perbadanan Labuan adalah menyedia dan melaksanakan perkara-perkara tersebut. Keutamaan pihak kementerian dan agensi-agensi di bawahnya adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk dan sentiasa prihatin kepada masalah-masalah yang dihadapi rakyat.

Selain itu, Perbadanan Labuan juga perlu merealisasikan aspek-aspek yang ditekankan dalam *Local Agenda 21* (LA21), ini kerana LA21 ialah suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka kearah pembangunan yang mampan. Melalui *Local Agenda 21*, masyarakat tempatan boleh melibatkan diri untuk mengenalpasti dan mengkaji isu-isu pembangunan mampan, membentuk pelan tindakan untuk menangani isu-isu tersebut dan melaksanakan pelan tindakan itu. Pendekatan asas program ini ialah pendekatan "*bottom-up*", atau dari akar umbi ke atas. Ini bermakna, penduduk-penduduk tempatan sendiri akan terlibat dalam menentukan pelan tindakan bagi kawasan masing-masing. Aktiviti-aktiviti yang dirancang di peringkat WP Labuan perlulah sejahtera dengan aspek-aspek LA21 seperti pembangunan masyarakat dan sosial juga dari segi pembangunan alam sekitar.

Apa yang diperlukan bagi memastikan peranan Kementerian dan Perbadanan Labuan sentiasa dituntut masyarakatnya adalah dengan mengenalpasti halacara baru dan pendekatan yang strategik dalam melaksanakan program pembangunan dengan mewujudkan jalinan kerjasama dengan kesemua *stakeholders*. Dengan memperkasakan peranan Perbadanan Labuan, kita mampu membentuk agensi ini sebagai pemacu kepada kemajuan Wilayah Persekutuan Labuan ke peringkat yang lebih tinggi.



Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua warga Wilayah Persekutuan Labuan yang sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama dalam acara-acara yang dianjurkan oleh pihak Kementerian dan Perbadanan Labuan. Semoga Allah SWT akan sentiasa melindungi kita dari ancaman yang menjelaskan keharmonian dan perpaduan yang kita nikmati di wilayah yang makmur ini.



YB Dato' Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Dan Kesejahteraan Bandar

PERUTUSAN PENGERUSI PERBADANAN LABUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah saya ucapan kepada Perbadanan Labuan kerana telah berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2010.

Setelah 9 tahun Perbadanan Labuan dipertanggungjawabkan untuk melaksana agenda pembangunan di Wilayah ini, tidak dinafikan kita sememangnya boleh berbangga dengan pencapaian yang kita nikmati kini. Namun masih banyak lagi agenda pembangunan yang perlu dilaksanakan khususnya ke arah mencapai hala tuju pembangunan Labuan iaitu sebagai Hab Industri minyak dan gas, Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa dan Destinasi Pelancongan yang berdaya saing. Perbadanan Labuan selaku *lead agency* telah merangka pelan tindakan bersama pihak-pihak yang berkaitan untuk mencapai matlamat ini melalui pelbagai aspek termasuklah dalam bidang meningkatkan peluang pelaburan, menyediakan tapak kemudahan industri, latihan dan kemahiran, usaha-usaha promosi dan pemasaran dan sebagainya. Pada tahun ini, Perbadanan Labuan telah menjalankan pakej pelaksanaan mengurus tapak Industri Kecil Sederhana di Rancha-Rancha dan menyediakan perkhidmatan pajakan tanah Perbadanan Labuan untuk keperluan industri.

Dalam aspek sosio ekonomi, Perbadanan Labuan turut melaksanakan aktiviti pembangunan kampung melalui beberapa saluran peruntukan iaitu RMKe9, peruntukan Unit Penyelaras dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan peruntukan geran khas daripada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Manakala bagi program membasmi kemiskinan, Perbadanan Labuan telah mensasarkan 0% bilangan miskin tegar pada tahun ini dan sasaran ini telah tercapai apabila seramai 34 orang miskin tegar telah dikeluarkan daripada kategori ini pada 16 Mac 2010. Antara tindakan yang telah diambil oleh Perbadanan Labuan bagi mencapai sasaran ini adalah dengan menjalankan beberapa program latihan dan kemahiran untuk golongan ini melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat termasuklah program bantuan rumah, program peningkatan pendapatan, program peningkatan minda insan dan lain-lain lagi.

Perbadanan Labuan juga bertanggungjawab untuk menyiapkan projek-projek RMK9 memandangkan tahun ini merupakan tahun akhir perlaksanaannya. Secara keseluruhan, peruntukan RMKe9 berjumlah RM317.94 juta dan jumlah perbelanjaan sehingga akhir tahun ini berjumlah RM241.92 juta. Berdasarkan pencapaian Perbadanan Labuan dalam melaksanakan RMKe9, sebanyak 27 projek di bawah RMKe9 telah siap sehingga akhir tahun 2010 dan 10 projek lagi masih dalam perlaksanaan. Antara faktor yang mempengaruhi prestasi perlaksanaan projek adalah faktor cuaca seperti hujan yang berterusan menyebabkan kerja-kerja pembinaan terganggu, kekurangan bahan-bahan binaan di WP Labuan kerana bergantung sepenuhnya dari pembekal luar Labuan dan juga kelemahan pengurusan pentadbiran kontraktor yang dilantik. Untuk mengatasi masalah ini pada masa hadapan, Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan pemantauan secara berkala melalui mesyuarat projek lewat jadual serta di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar turut mewujudkan Jawatankuasa Mesyuarat Projek Lewat.

Bagi tahun kewangan 2010, Perbadanan Labuan telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM68.89 juta di bawah RMKe9 dan daripada jumlah tersebut, PL telah membelanjakan sebanyak RM49.47 juta atau 76.09%. Berdasarkan analisa kewangan belanja pembangunan RMKe9 dalam tempoh 5 tahun, perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak 25.72% dari tahun lepas menjadikan jumlah perbelanjaan RMKe9 berjumlah RM241.92 juta.

Manakala bagi perbelanjaan mengurus tahun 2010 pula, Perbadanan Labuan diluluskan peruntukan sebanyak RM47.67 juta. Jumlah peruntukan ini menurun 1% atau RM3.59 juta berbanding tahun sebelumnya disebabkan pengurangan geran kerajaan RM1.36 juta dan kurangnya menggunakan sumber dalaman sebanyak 2.23 juta. Sehingga 31 Disember 2010, prestasi perbelanjaan mengurus sebanyak 96.2% atau RM45.87 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan. Perbelanjaan mengurus merupakan terimaan yang digunakan bagi membiayai emolumen, bekalan dan perkhidmatan, aset dan harta modal, pemberian dan kenaan tetap serta pembayaran bagi maksud cukai.



Bagi rancangan strategi masa hadapan, Perbadanan Labuan menekankan kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (key performance indicator) yang telah ditetapkan seperti dalam aspek ekonomi meningkatkan produktiviti, daya saing dan nilai tambah wilayah persekutuan iaitu mempermudah segala urusan berkaitan aktiviti ekonomi. Dalam bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Perbadanan Labuan menetapkan untuk menawarkan pajakan tanah sekurang-kurangnya untuk lima IKS termasuklah membuat kerja-kerja infrastruktur di tapak IKS. Aspek pembangunan modal insan turut diutama bagi mewujudkan komuniti yang berilmu dengan melaksanakan program-program kesedaran gaya hidup murni dan program peningkatan ilmu bagi golongan peniaga yang mewakili penjaja dan peniaga kecil. Selain itu, Perbadanan Labuan meneruskan usaha untuk membasmi kemiskinan dengan menyedia dan melaksanakan program-program berkaitan disasarkan sebanyak empat kali setahun.

Antara aspek Key Performance Indicator (KPI) Perbadanan Labuan juga perlu memulihara dan melindungi alam sekitar untuk mewujudkan persekitaran yang sejahtera. Untuk itu, Perbadanan Labuan akan menetapkan sasaran sekurang-kurang sebanyak 70% bagi mewartakan kawasan lapang atau kawasan hijau di WP Labuan. Selain itu, dalam memastikan industri pelancongan terus membangun, pemuliharaan alam sekitar juga dapat menyumbang kepada faktor ini sebagai salah satu tarikan pengunjung seperti Projek Eko Pelancongan Kina Benuwa. Keunikan tempat ini adalah sebagai kawasan rekreasi alam semulajadi tanpa menjaskan kawasan hutan bakau yang terdapat di situ.

Berdasarkan data dan maklumat yang dipaparkan dalam Laporan Tahunan ini adalah menjadi harapan saya agar ianya dapat dijadikan panduan kepada Perbadanan Labuan juga akan dalam meneliti prestasi pembangunan di WP Labuan. Semoga program dan projek pembangunan yang dilaksanakan ini tidak hanya memberikan manfaat kepada pembangunan fizikal malah menjadi pemangkin pembangunan modal insan penduduk seterusnya Labuan mampu mencapai taraf pulau maju pada masa hadapan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya warga kerja Perbadanan Labuan yang telah sekian lama menabur bakti dan jasa membangunkan Wilayah Persekutuan dari dulu hingga sekarang.

Sekian, terima kasih.



Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal Talib
Pengerusi

KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya Buku Laporan Tahunan Perbadanan Labuan bagi tahun 2010 telah berjaya disiapkan. Laporan tahunan ini akan menjadi rujukan utama kepada pegawai Perbadanan Labuan dalam membuat penambahbaikan perancangan, penilaian, penyelarasan dan perlaksanaan misi dan visi Perbadanan Labuan serta dapat memberi gambaran yang jelas kepada masyarakat tentang prestasi Perbadanan Labuan bagi tahun tersebut.

Bagi tahun 2010, Perbadanan Labuan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan WP Labuan dan meningkatkan taraf hidup warga Labuan, telah menjalankan aktiviti merancang dan menggalakkan pembangunan di WP Labuan selain menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 9 projek pembangunan telah siap dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe9 Perbadanan Labuan dan lain-lain peruntukan kerajaan termasuk peruntukan pembangunan dari pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antaranya adalah seperti Projek Masjid Kampung Sungai Labu, Projek Halal Hub Fasa 1, Projek Gerai Makan Kampung Lubok Temiang, Projek Penyediaan Tapak Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Stor Sepusat dan Projek Beach Renourishment. Namun demikian Perbadanan Labuan masih meneruskan sebanyak 23 buah projek yang masih lagi dalam peringkat perlaksanaan.

Pemantauan bagi program-program utama Perbadanan Labuan turut diadakan menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perbadanan Labuan selaras dengan garis panduan Kerajaan. Sebanyak 8 Petunjuk Prestasi Utama telah dinilai bagi tahun ini dan Perbadanan Labuan telah berjaya mencapai tahap yang memberangsangkan bagi sebahagian besar daripada Petunjuk Prestasi Utama tersebut. Antaranya ialah program membasmi kemiskinan di WP Labuan yang menyaksikan pencapaian 100% sama ada dari segi pengurangan jumlah golongan miskin tegar dan miskin di WP Labuan ataupun perlaksanaan aktiviti ke arah pencapaian sifar peratus miskin tegar. Selain itu, bagi memastikan pencapaian dalam meningkatkan aktiviti pelancongan di WP Labuan, Perbadanan Labuan telah berjaya melaksanakan sebanyak 9 acara utama yang menyaksikan penyertaan di peringkat antarabangsa mahupun nasional. Antara acara yang telah berjaya dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan ialah *Labuan International Sea Challange, Borneo International Yachting Challange, Rememberance Day* dan *War World II Memorial Ceremony*.

Pada tahun ini juga, sejajar dengan perkembangan dalam bidang ICT, Perbadanan Labuan telah berusaha untuk memantapkan lagi pembangunan laman sesawang Perbadanan Labuan dan Perbadanan Labuan telah menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan apabila mendapat penarafan 5 Bintang dan berada di kedudukan ke 10 daripada 1,145 portal/laman sesawang yang dinilai oleh Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) dalam tahun 2010. Laman web merupakan media utama dalam penyaluran maklumat-maklumat aktiviti, pencapaian dan prestasi Perbadanan Labuan dari masa ke semasa untuk pengetahuan orang awam khususnya masyarakat WP Labuan. Dengan itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Perbadanan Labuan, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan rakyat Labuan yang telah terlibat dalam menjayakan program yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan bagi tahun 2010.

Sekian. Terima kasih.



Y.Bhg. Dato' Basiran Bin Saban
Ketua Pegawai Eksekutif

MAKLUMAT KORPORAT

VISI

Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pulau yang maju, indah dan sejahtera menjelang tahun 2015

MISI

Memastikan pembangunan terancang melalui:

- Pembangunan sosio ekonomi yang maju dan mampan
- Peningkatan prasarana dan perkhidmatan yang berterusan
- Menjadikan Pulau Labuan Taman Percutian dan Perniagaan yang unik dan menarik serta memenuhi citarasa kedamaian, ketenangan, kemewahan dan cabaran.

OBJEKTIF

- Menjadikan Perbadanan sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa.
- Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan
- Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di Wilayah Persekutuan Labuan
- Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia. Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari.

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan mesra dan melaksanakan program pembangunan yang berkualiti selaras dengan dasar pembangunan Negara.

Fungsi

Fungsi-fungsi Perbadanan Labuan mengikut Seksyen 4, Akta 609 – Akta Perbadanan Labuan 2001 adalah seperti berikut:

- (a) Memajukan dan merangsang Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan, kawasan bebas duti dan pusat perdagangan.
- (b) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (c) Memajukan, merangsang dan mengusahakan perkembangan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti-aktiviti rekreasi dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (d) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (e) Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan dalam Wilayah Persekutuan.
- (f) Melaksanakan segala fungsi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (g) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (h) Menyelaraskan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

ANGGOTA PERBADANAN LABUAN



Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal Talib
Pengerusi

Mula dilantik selaku Pengerusi Perbadanan Labuan pada 1 Jun 2009. Beliau dilahirkan di Kota Sarang Semut, Kedah pada 2 Julai 1954. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Perancangan Bandar dan Wilayah dari University Of Wisconsin USA dan Diploma In Advanced Management dari Harvard Business School Boston, Massachusetts, USA. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan pernah bertugas selaku Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Barat Daya di Pulau Pinang, Pengarah Tanah dan Galian di Pulau Pinang, Setiausaha Majlis Perbandaran Labuan, Yang-Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Timbalan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU dan kini sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan bandar.



YB (Kol) Datuk Haji Yussof Bin Mahal
Timbalan Pengerusi

Beliau telah mula dilantik selaku anggota PL pada 10 Oktober 2005 dan kini merupakan Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan. Beliau telah dilantik selaku Ahli Parlimen Labuan bermula pada Mac 2008 hingga kini. Dilahirkan di WP Labuan dan memiliki Ijazah Sains Kejuruteraan Marin dan Ilmu Pelayaran Indonesia dan Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan Mekanikal Dalam Teknologi Marin dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga merupakan seorang ahli perniagaan.

Y.Bhg. Dato' Azizan Bin Abd Rahman Ahli

Beliau telah dilantik sebagai anggota PL sejak 29 September 2005 dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit PL sejak 19 Oktober 2005. Dato' Azizan adalah Ketua Pengarah Labuan FSA sejak Julai 2005. Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Labuan FSA Incorporated Sdn Bhd, Pristine Era Sdn. Bhd dan ahli Lembaga Labuan IBFC Incorporated Sdn. Bhd. Sebelum pelantikannya dalam Labuan FSA, beliau ialah Pengarah Jabatan Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau berkhidmat dengan BNM sejak 1979 dan sepanjang tempoh itu, beliau memegang pelbagai jawatan dalam bidang kewangan, penyeliaan dan pemeriksaan. Semasa berkhidmat di BNM, beliau menjadi ahli lembaga dan jawatankuasa pelaburan bagi beberapa badan kerajaan termasuk Kumpulan Wang Amanah Pencen dan ERF Sdn. Bhd selain menjadi penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakuanan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University Of Queensland, Australia. Beliau ialah ahli CPA (Australia) dan Akauntan Bertauliah MIA.



Y.Bhg. Dato' Noorizzan Bt Shafie Ahli

Beliau bertugas selaku Setiausaha Bahagian di Bahagian Dasar Saraan Wang Awam dan Khidmat Pengurusan Kementerian Kewangan dan telah dilantik selaku anggota PL bermula pada 1 Januari 2009. Beliau memiliki ijazah dalam bidang ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah mula bertugas dalam perkhidmatan awam sejak 1981 di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.



Y.Bhg Datuk Himmat Singh a/l Ralla Singh Ahli

Beliau mula dilantik sebagai anggota PL bermula pada 16 Jun 2007. Beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 1981 dan sekarang memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah II di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga adalah ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Aset Keretapi serta menjadi anggota Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).



Y. Bhg. Dato' Sulaiman Bin Ibrahim Ahli

Beliau dilantik selaku anggota PL bermula pada 1 September 2009. Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang dan aktif dalam bidang politik dan sosial. Beliau merupakan Yang DiPertua Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pahang di Ibu Kota (PEKAP) sejak tahun 2007 dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid Bandar Utama Damansara sejak tahun 2005. Beliau juga mempunyai pengalaman bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut Pahang, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang, Kementerian Kewangan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor Malaysia. Beliau mendapat tajaan Colombo Plan (New Zealand) pada tahun 1975.



JAWATANKUASA AUDIT

1. Y.Bhg. Dato' Azizan bin Abd. Rahman
Pengerusi (19 Oktober 2005)

2. Y.Bhg. Dato' Noorizzan binti Shafie
Ahli (mulai 7 Ogos 2009)

3. Y.Bhg. Datuk Himmat Singh A/L Ralla Singh
Ahli (mulai 15 Oktober 2010)

1



2



3



AHLI MAJLIS PENASIHAT

1. YBhg Datuk Hj Yunus Bin Hj Kurus
Pengerusi
2. YBhg Dato' Harris Bin Hj Annuar Tan
3. YBhg Datuk Hj Yussof Bin Hj Mohammad
4. YBhg Datuk Chin Chee Kee
5. Cik Hjh Fauziah Binti Datuk Hj Mohd Din
6. Dr. Harun Bin Pudin
7. Encik Ronald James Majaing



KUMPULAN PENGURUSAN



YBhg Dato' Basiran Bin Saban
Ketua Pegawai Eksekutif
(sehingga 30 November 2010)



YBhg Encik Zainul Abidin Bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif
(bermula 1 Disember 2010)



Encik Jusoh Bin Saleh
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pembangunan)



T.Ahmad T. Muda
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi)

KUMPULAN PENGURUSAN

Puan Norsiah Binti Udin
Pengarah Pentadbiran

Encik Suhaimi Bin Sainan
Penasihat Undang-Undang



Puan Siti Maznah Binti Awang Damit
Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta

Encik Rithuan Bin Haji Mohd Ismail
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran



Encik Fadzilah Bin Haji Mahmud
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia

Puan Manisah Binti Haji Mahmud
Pengarah Pelaburan
dan Sosio Ekonomi



Encik Othman Bin Jusoh
Pengarah Pelancongan,
Kebudayaan dan Kesenian

Encik Ibrahim Bin Tambi
Pengarah Perancangan
dan Kawalan Bangunan

KUMPULAN PENGURUSAN

Encik Patrick Majatig
Pengarah Pengurusan
Kewangan dan Akaun

Puan Dayang Monira Binti Mohd Yusof
Juruaudit



Cik Wan Amishah Binti Wan Mahmud
Pengarah Pengurusan Maklumat

Encik Yong Fook Sin
Penolong Pengarah
Kejuruteraan dan Projek



Encik HL Hady Bin Hamidun
Penolong Pengarah
Penyelarasan, Pemantauan,
Penilaian dan Kajian Impak

Encik Musa Bariong
Penolong Pengarah Penguatkuasa



Puan Jah Murniwaty Binti Markum
Pegawai Perhubungan Awam

Encik Kamal Bin Yan
Pustakawan

CARTA ORGANISASI

Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Audit

Majlis Penasihat

YBhg. Dato' Basiran Bin Saban
Ketua Pegawai Eksekutif
30 November 2010

Zainul Abidin Bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif
Bermula 1 Disember 2010

Tuan Ahmad Bin Tuan Muda
Timbalan
Ketua Pegawai Eksekutif
Operasi

Jusoh Salleh
Timbalan
Ketua Pegawai Eksekutif
Pembangunan

Norsiah Binti Udin
Pengarah Pentadbiran

Patrick Majatig
Pengurusan
Kewangan & Akaun

Fadzilah Bin Hj. Mahmud
Pengurusan
Sumber Manusia

Wan Amishah Binti Wan Mahmud
Pengarah Pengurusan Maklumat

Siti Maznah Binti Hj Awang Damit
Penilaian &
Pengurusan Harta

Othman Bin Che Jusoh
Pelancongan, Kebudayaan &
Kesenian

Musa Bin Bariong
Penguatkuasaan

Kamal Bin Yan
Perpustakaan Awam Labuan

Suhaimi Bin Sainan
Penasihat Undang-Undang

Dayang Monira Binti
Muhamad Yusof
Audit Dalam

Jah Murniwaty Binti Markum
Hal Ehwal Korporat

Yong Fook Sin
Kejuruteraan &
Projek

Ibrahim Bin Tambi
Perangcangan & Kawalan Bangunan

Rithuan bin Hj Mohd Ismail
Perkhidmatan Perbandaran

Manisah Binti Hj Mahmud
Pelaburan & Sosio Ekonomi

HL Hady Bin Hamidun
Penyelaras, Pemantauan,
Penilaian & Kajian
Impak

LAPORAN AKTIVITI JABATAN

Jabatan Pentadbiran
Jabatan Pengurusan Kewangan dan Akaun
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pengurusan Maklumat
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian
Jabatan Penguatkuasa
Perpustakaan Awam

OPERASI

PEMBANGUNAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
Jabatan Kejuruteraan dan Projek
Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi
Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan
Unit Penyelaras, Pemantauan, Penilaian dan Kajian Impak

Jabatan Audit Dalam
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Jabatan Hal Ehwal Korporat


PENTADBIRAN

Jabatan Pentadbiran bertanggungjawab dalam pengurusan pentadbiran am, pengurusan kualiti dan kajian-kajian dalam usaha menambahbaik perkhidmatan Perbadanan Labuan (PL) untuk kepuasan pelanggan.

Pengurusan Pentadbiran Am

Urus Setia Mesyuarat Dan Perhimpunan Bulanan

Jabatan ini berperanan sebagai urus setia untuk Mesyuarat Pengurusan PL, Mesyuarat Pengurusan Bersama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti. Semua mesyuarat ini telah dilaksanakan mengikut bilangan kekerapan yang disasarkan. Manakala Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) telah diadakan sebanyak dua (2) kali. Selain itu, Jabatan juga menguruskan tiga (3) kali Perhimpunan Bulanan PL dan satu (1) Perhimpunan Bulanan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Bersama Agensi-agensi Kerajaan di WP Labuan.



Penyewaan Kemudahan Awam

Jabatan bertanggungjawab menyelaras penyewaan kemudahan awam PL iaitu Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Padang Ragbi, Gelanggang Futsal, Arena Boling Padang, Gelanggang Tenis dan Gelanggang Bola Keranjang. Kutipan hasil sewa yang diperolehi adalah sebanyak RM177,888.50.

Selain itu, Jabatan juga menyelaras penyewaan kenderaan dan bot PL kepada jabatan kerajaan dan pertubuhan NGO. Hasil kutipan sewa yang diperolehi ialah RM14,275.00.

Pelupusan Aset PL

Mesyuarat Lembaga Pemeriksa PL telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 22 April 2010 dan 25 November 2010. Senarai aset yang dilupuskan dan hasil pelupusan bagi tahun 2010 adalah seperti Jadual 1.

BIL	PERKARA	CARA PELUPUSAN	HASIL (RM)
1.	Pelupusan Kelengkapan	Buang	-
2.	Pelupusan Kenderaan (LA7166, LA6928)	Jual Secara Sebutharga	+3,820.00
3.	Pelupusan Perkakasan Komputer	Dilupuskan kepada syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar	-27,879.00
4.	Pelupusan Batang Paip	Jual Secara Sebutharga	+6,120.00
		JUMLAH	- 17,939.00

Jadual 1: Senarai Aset Dilupus, Cara Pelupusan dan Hasil Pelupusan

Verifikasi Stok

Verifikasi telah dilaksanakan di Stor Tingkat 3, Wisma PL dan Stor Gudang Saguking pada 10 Disember dan 14 Disember 2010. Nilai keseluruhan stok disimpan adalah sebanyak RM85,462.08.

Latihan Mencegah Kebakaran Fire Drill

Latihan mencegah kebakaran melibatkan Bangunan Wisma PL dan Bangunan Perpustakaan telah diadakan pada 3 Disember 2010. Bangunan telah dikosongkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala satu Taklimat Mencegah Kebakaran telah diadakan pada 1 Disember 2010 melibatkan semua Pengarah dan Ketua Unit.

PENTADBIRAN

Menyelaras Program Rasmi

Jabatan turut bertindak sebagai penyelaras beberapa program rasmi di peringkat Labuan dan Wilayah Persekutuan seperti berikut :

1. Menghantar Kontinjen PL seramai 32 orang sempena Perbarisan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2010 di Dataran Merdeka Kuala Lumpur.
2. Urus setia Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan pada 1 hingga 28 Februari 2010. Lima pemenang dipilih mengikut kategori iaitu Jabatan Pelajaran (Jabatan Kerajaan), Hotel Grand Dorsett Labuan (Agensi Swasta), Kg. Sg. Bedaun (Kampung), SM St. Anthony (Sekolah Menengah) dan SK Pekan 2 (SK/SRAI).
3. Menghantar Kontinjen PL seramai 35 orang ke Perarakan Maulidur Rasul 1431H peringkat WP Labuan pada 26 Februari 2010 di Dataran Labuan.
4. Urus setia Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang telah diadakan pada 2 Julai 2010 di Dewan Konvokesyen Ujana Kewangan Labuan.
5. Mengurus persiapan logistik, penyediaan kenderaan dan protokol sempena lawatan kerja sehari YAB Timbalan Perdana Menteri ke Labuan pada 22 Julai 2010.
6. Urus setia Majlis Berbuka Puasa Bersama Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Kg. Sg. Labu pada 3 September 2010. Di majlis ini, YB Menteri turut merasmikan Masjid Kg. Sg. Labu yang baharu.
7. Urus setia Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri pada 7 Oktober 2010 di Dewan Serbaguna PL. Majlis telah dihadiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan dianggarkan seramai 2,000 orang warga Labuan turut memeriahkan majlis.



PENTADBIRAN



Pengurusan Kualiti

Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator- KPI)

Jabatan adalah urus setia yang menyediakan KPI untuk KPE yang diselaraskan mengikut KPI Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Ketua Setiausaha KWPKB. Sebanyak 29 aktiviti dijadikan sasaran yang merangkumi lapan (8) teras iaitu Pembangunan Modal Insan; Meningkatkan Produktiviti, Daya Saing dan Nilai Tambah WP Labuan; Meningkatkan Aktiviti Pelancongan di WP Labuan; Membasmi Kemiskinan di WP Labuan; Menyelaras Sumber Dengan Keutamaan Bagi Mempastikan Penggunaan Dana Awam yang Optima; Memperkasa Penggunaan Teknologi Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup; Menggubal dan Melaksanakan Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar; dan, Melibatkan Masyarakat Dalam Penggubalan Dasar, Pembangunan dan Aktiviti Kemasyarakatan. 26 aktiviti (89.7%) telah berjaya sekurang-kurangnya mencapai status Mencapai Sasaran dengan 13 aktiviti daripadanya (45%) berstatus Sangat Melepas Sasaran.

Persijilan MS ISO 9001:2008

SIRIM telah bersetuju supaya persijilan MS ISO 9001:2008 untuk Perbadanan Labuan disambung bermula tahun 18 November 2010 hingga 17 Disember 2013. Aktiviti yang dipersijilkan masih kekal iaitu Proses Kawalan Perniagaan dan Penguatkuasaan, Pengurusan Tandas Awam dan Kawalan Perancangan dan Kawalan Bangunan. Hasil audit yang dilaksanakan pada 13 - 15 November, melaporkan bahawa pihak audit telah berpuas hati dan mendapati Sistem Pengurusan Kualiti di PL adalah mengikut keperluan proses organisasi. Tidak ada ketakakuran yang dikeluarkan.

Bagi meningkatkan kefahaman mengenai ISO, beberapa siri kursus telah diadakan, iaitu :-

- i. Kursus Memantapkan Pelaksanaan Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan pada 4-15 Januari di Bilik Bunga Raya, Tingkat 8, Kompleks Ujana Kewangan, WP Labuan,
- ii. Kursus Balanced Score Card pada 6 - 7 Mei di Hotel Waterfront, WP Labuan,
- iii. Kursus Pengenalan MS ISO 9001-2008 dan Perdokumenan Aktiviti Baru pada 8-11 November di Kota Kinabalu.



PENTADBIRAN

Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)

PL telah menganjurkan Bengkel KIK pada 22-23 November 2010 di WP Labuan. Sebanyak 11 kumpulan telah membentang tajuk KIK untuk dilaksanakan. Konvensyen Mini dijangka akan diadakan pada bulan April 2011. Tajuk KIK yang dikenalpasti ialah seperti berikut :

Nama Kumpulan/ Jabatan	Tajuk KIK
PANDU / PENTADBIRAN	KOS PENUNDAAN KENDERAAN
COINS / PENGURUSAN KEWANGAN	PROSES PESANAN TEMPATAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA
FIREWALL / PENGURUSAN MAKLUMAT	KELEWATAN PENGURUSAN PENGAGIHAN TONER
QANUN / PENASIHAT UNDANG-UNDANG	SAMAN TIDAK DAPAT DISAMPAIKAN
ILMU / PERPUSTAKAAN AWAM LABUAN	KELEWATAN MEMULANGKAN BAHAN BACAAN PERPUSTAKAAN
TRASH / PERKHIDMATAN PERBANDARAN	KELEWATAN KUTIPAN SAMPAH
KASEH / PELABURAN & SOSIO EKONOMI	PROGRAM SOSIAL YANG TIDAK BERJADUAL
SMART TECHNIC / PEMBANGUNAN & KEJURUTERAAN	KEHILANGAN LAMPU BALLAST, LAMPU JALAN/ HIASA
INSPECT / PERANCANGAN & KAWALAN BANGUNAN	KELEWATAN MENGULAS PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG OLEH JABATAN TEKNIKAL
SEMAIAN / UNIT LANDSKAP	PENYELENGGARAAN LANDSKAP
SENI / PELANCONGAN, KEBUDAYAAN & KESENIAAN	JANGKA MASA SET-UP ALAT MUZIK YANG LAMA

Satu Kursus Penulisan Skrip dan Persembahan KIK juga telah diadakan pada 25 hingga 28 Ogos di Kota Kinabalu sebagai persediaan untuk memantapkan KIK PL.

Bulan Inovasi PL

Bulan Inovasi PL telah dilancarkan pada 5 November 2010. Antara program pengisian ialah Senam 1 Malaysia, Gotong Royong Perdana 5S dan Penilaian Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan 5S PL.

Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan 5S PL

Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan 5S telah diadakan bermula bulan Mei. Ia melibatkan semua jabatan/unit di PL. Tujuan pertandingan diadakan ialah untuk mengemaskin house keeping pentadbiran PL. Hanya satu jabatan yang telah mencapai markah melebih 80% iaitu Perpustakaan Awam Labuan.

Kotak Inovasi PL

PL telah mengadakan program kotak inovasi bermula pada bulan Mei . Tujuan program ialah untuk mendapatkan idea-idea inovasi daripada pegawai/kakitangan PL. Keputusan pertama telah diperolehi pada 7 September 2010. Sebanyak 9 idea telah diterima. Jumlah ganjaran maksima ialah sebanyak RM100 bagi satu idea.




PENTADBIRAN

Penambahbaikan Pengurusan

Jabatan juga telah mengadakan beberapa kajian melibatkan pegawai PL dan orang awam. Kajian bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan bagi menambahbaik perkhidmatan PL.

Kajian Kepuasan Pelanggan

PL telah mengadakan kajian kepuasan pelanggan di kaunter khidmat pelanggan sepanjang tahun. Keputusan kajian ialah purata 90% berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh PL. Perincian adalah seperti di Graf 1.




Graf 1: Laporan Penilaian Kaunter Khidmat Pelanggan Bagi Januari – Disember 2010

Kajian Kepuasan Bekerja di PL

Kajian Kepuasan Bekerja Staf Perbadanan Labuan telah diadakan pada 11 – 13 November 2010. Seramai 115 pegawai/ kakitangan PL terdiri dari pelbagai jawatan telah menjadi responden. Jumlah ini adalah 19.6% daripada jumlah keseluruhan staf PL. Hasilnya kajian menunjukkan 80% bersetuju akan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Pengurusan Perbadanan untuk diteruskan dan perlu dikekalkan. Manakala 20% pula berpandangan, Pengurusan Perbadanan perlu penambahbaikan dan pemantauan.

Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (Span)

PL telah melaksanakan Kajian SPAN pada 11 – 13 November. Seramai 180 pegawai PL dan 70 pelanggan telah menjadi responden dalam kajian ini. Hasilnya PL mencapai 71.17% berbanding 62.93% pada tahun 2009. Perincian adalah seperti Graf 2:-



Graf 2 : Laporan Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (Span)

Kajian Keseluruhan Ke Atas Perkhidmatan PL

PL telah mengadakan Program Beramah Mesra Bersama KWPKB dan Agensi pada 19 hingga 20 Jun 2010 bertempat di Ujana Kewangan, WP Labuan. Seramai 154 responden telah dijemput untuk mengisi Borang Soal Selidik Tahap Kepuasan Pelanggan mengenai prestasi perkhidmatan yang disediakan oleh PL. Berikut adalah hasil penilaian yang telah dibuat:-


	(A) Kutipan Sampah	(B) Penyewaan Rumah	(C) Permohonan & Pembaharuan Lesen	(D) Pembersihan Pusat Bandar	(E) Penyelenggaraan Kemudahan Awam	(F) Kebersihan Taman Perumahan	(G) Kaunter Khidmat Pelanggan	(H) Pendaftaran Rumah Kampung	(I) Kelulusan CF
Memuaskan	134 (87%)	124 (81%)	129 (84%)	142 (92%)	134 (87%)	121 (79%)	136 (88%)	119 (77%)	112 (73%)
Tidak Memuaskan	15 (10%)	8 (5%)	10 (6%)	6 (4%)	15 (10%)	16 (10%)	8 (5%)	8 (5%)	6 (4%)
Sangat Tidak Memuaskan	5 (3%)	14 (9%)	11 (7%)	6 (4%)	5 (3%)	16 (10%)	6 (4%)	6 (4%)	25 (16%)
Tidak Diisi	0 (0%)	8 (5%)	4 (3%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (1%)	4 (3%)	4 (3%)	11 (7%)

PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Belanja Mengurus

Jumlah belanja mengurus telah mengalami penurunan semenjak tahun 2007 seperti carta di bawah akibat daripada dasar penjimatan yang disarankan oleh kerajaan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan. Pada tahun 2010 sebanyak RM47.67 juta telah diluluskan sebagai peruntukan belanja mengurus di mana terdapat penurunan sebanyak RM 3.59 juta atau 7% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan geran kerajaan sebanyak RM 1.36 juta dan penurunan sumber dalaman sebanyak RM 2.23 juta.

Graf 1: Prestasi Belanja Mengurus Untuk Tempoh 2006 - 2010



Sementara itu, prestasi belanja mengurus bagi tahun 2010 masih tetap memuaskan kerana ia telah mencapai sebanyak 96.22 % ataupun RM 45.87 juta berbanding peruntukan yang telah diluluskan. Ini juga bermakna ia telah melepas sasaran KPI PL bagi merancang dan membelanjakan peruntukan mengurus sekurang-kurangnya 95% daripada peruntukan RM 47.67 juta.

Pecahan peruntukan belanja mengurus berdasarkan keperluan jabatan-jabatan di PL untuk melaksanakan program-program masing-masing adalah sebagaimana dijelaskan dalam jadual di sebelah.

Jadual 1: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Jabatan bagi Tahun 2010

Perkara	Peruntukan Diterima (RM)	Belanja (RM)	Peratus (%)
Ketua Pegawai Eksekutif	17,464,330	18,759,534	107.42
Perkhidmatan Perbandaran	9,384,153	8,738,028	93.11
Kejuruteraan dan Projek	6,860,060	6,420,121	93.59
Pentadbiran	4,895,757	4,350,418	88.86
Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian	2,484,792	2,352,740	94.69
Penilaian dan Pengurusan Harta	2,057,788	1,787,930	86.89
Pengurusan Sumber Manusia	1,488,400	1,088,247	73.12
Pengurusan Maklumat	599,248	530,773	88.57
Perpustakaan Awam Labuan	502,378	453,371	90.24
Pelaburan dan Sosio Ekonomi	446,324	424,059	95.01
Penguatkuasa	422,428	343,055	81.21
Kewangan dan Akaun	312,280	248,211	79.48
Hal Ehwal Korporat	286,620	234,856	81.94
Perancangan dan Kawalan Bangunan	235,640	62,821	26.66
Penasihat Undang-Undang	179,087	60,929	34.02
Penyelaras, Pemantauan, Penilaian dan Kajian Impak	26,544	8,152	30.71
Audit Dalam	21,346	2,860	13.40
Jumlah	47,667,175	45,865,105	96.22


PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Belanja Pembangunan

Prestasi Perbelanjaan RM ke 9

Secara keseluruhannya, perbelanjaan pembangunan RMKe-9 pada tahun 2010 telah meningkat sebanyak 25.72% berbanding tahun sebelumnya iaitu kepada RM241.92 juta seperti carta di bawah.

Graf 2 : Prestasi Perbelanjaan RMKe-9 Untuk Tempoh 2006 - 2010



Namun demikian, prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan diterima bagi tahun 2010 telah berkurangan kepada 76.09% iaitu penurunan sebanyak 1.14% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan mendadak peruntukan RMKe-9 kerana pihak Kementerian telah menyalurkan sepenuhnya peruntukan RMKe-9 memandangkan tahun 2010 merupakan tahun terakhir pelaksanaan RMKe-9. Sebanyak RM68.89 juta peruntukan telah disalurkan pada tahun 2010 sementara perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM49.47 juta. Perincian projek pembangunan PL adalah seperti di jadual di sebelah.

Jadual 2 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9

Perkara	2009		2010	
	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)
Projek Sumbungan				
Pembinaan Pangkalan Feri Penumpang baru Labuan		1,183,066	400,000	218,387
Pembangunan Kampung-Kampung Labuan		2,111,889	1,500,000	2,821,749
Pusat Komersial Bumiputera dan Kompleks Letak Kereta Bertingkat		2,586,154	-	3,047,547
Pembangunan / Naiktaraf Tapak Pelupusan		926,453	700,000	430,926
Program Pengidahan Labuan		7,201	-	-
Pembinaan Marina di Labuan		1,488,106	7,650,000	55,985
Hakisan Pantai di Sekitar Labuan		2,239,588	7,350,000	5,764,490
Kajian Pelan Strategik Pembangunan Labuan		49,990	100,000	52,164
Sistem Perkomputeran		897,154	7,080,000	1,776,921
Perumahan Kakitangan Awam Labuan		7,542,098	11,850,000	1,121,509
Pembinaan Gerai / Pusat Penjaja		94,598	-	210,008
Pembinaan Pasar Baru Labuan		2,012,749	10,591,000	543,679
Pembinaan Stesyen Teksi dan Bas		1,440,982	-	27,916
Pembinaan Pusat Aktiviti Kebudayaan		255,703	-	-
Infrastruktur Asas Kg. Air Pelancongan		1,228,194	210,000	504,414
Projek Baru				
Cadangan Pembinaan Laluan Berbumbung di Pusat Bandar		92,657	-	-
X-Treme Arena		85,450	-	-
Pembangunan Labuan Walk di Jalan Dewan		994,568	3,2000,000	2,745,197
Cadangan Pembinaan Bengkel dan Stor PL		199,284	-	249,344
Cadangan Kajian Alam Sekitar (EIA) di Labuan		899,363	-	165,542
Bangunan Baru Perpustakaan		2,923,106	-	-
Penempatan Semula Setinggan di W. P Labuan		851,249	11,650,000	5,832,233
Pengambilan Balik Tanah untuk Tapak Pembangunan		47,425	-	-
Esplanade di Kawasan Bandar		36,348	3,000,000	10,801,009
Pengindahan Labuan Taman-Taman Awam		501,743	-	220,546
Peruntukan KWP				
Industri Halal Hab		13,553,786	3,610,000	12,858,607
Pembangunan Hal Ehwal Kepulauan		150,309	-	-
Jumlah Keseluruhan		44,399,213	68,891,000	49,448,173

PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Hasil Dalaman

Kutipan hasil bagi tahun 2010 tidak banyak berbeza dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2010, hasil dalaman berjumlah RM27.74 juta telah berjaya diperolehi iaitu penurunan sebanyak RM0.17 juta atau 0.61% berbanding tahun 2009. Hasil daripada cukai taksiran, faedah diterima dan caruman bantu kadar masih merupakan penyumbang utama hasil dalaman setiap tahun. Perbandingan perincian hasil adalah seperti di Jadual di bawah.

Jadual 3 : Perbandingan Perincian Kutipan Hasil

Jenis Hasil	2009 (RM) juta	2010 (RM) juta	Perubahan %
Cukai Taksiran	11.62	12.25	5.42
Caruman Bantu Kadar	3.06	3.07	0.30%
Lesen Perniagaan & Operasi	1.75	1.59	(9.14%)
Yuran Perkhidmatan	0.14	0.16	14.29%
Sewaan	2.20	2.57	16.82%
Faedah Pinjaman/Simpanan Tetap	6.92	5.92	(14.45%)
Kompaun Denda	0.16	1.58	887.5%
Pelbagai Hasil termasuk keuntungan anak Syarikat	0.48	0.35	(27.08%)
Jualan Rumah Taman Mutiara/Stok	1.58	0.25	(84.18%)
Jumlah	27.91	27.74	(0.61%)

Carta 3 : Kutipan Mengikut Jenis Hasil Bagi Tahun 2010



Urusan Perolehan

Jumlah nilai perolehan yang telah dikeluarkan pada tahun 2010 telah meningkat secara drastik iaitu melebihi seratus peratus daripada jumlah nilai perolehan yang dikeluarkan pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh penambahan bilangan pengeluaran tender di samping nilai tender yang jauh lebih besar dari tahun sebelumnya. Aktiviti perolehan mengikut nilai adalah seperti berikut :-


Jadual 4 : Aktiviti Perolehan

Bil.	Perkara	2009		2010	
		Kuantiti	Jumlah (RM) Juta	Kuantiti	Jumlah (RM) Juta
1.	Pesanan Tempatan	1396	9.47	1420	8.23
2.	Sebut Harga	115	19.34	91	17.05
3.	Tender	12	34.86	15	117.69
	JUMLAH	1523	63.67	1526	142.97

Prestasi Bayaran 14 Hari

Jabatan Kewangan sentiasa memberi perhatian dan memantau agar bil yang telah lengkap diproses dalam tempoh 14 hari dari tarikh diterima selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006. Sepanjang tahun 2010, hampir keseluruhan ataupun 99.6% daripada 5666 bil yang diterima oleh PL telah berjaya dibayar kurang dari 14 hari.

Carta 4 : Prestasi Bayaran Bil Mengikut Hari



Penggunaan 'CARP' Untuk Mencetak Baucar Dan Pesanan Tempatan

PL telah mula menggunakan 'carp' iaitu cetakan terus baucar dari mesin pencetak tanpa perlu menggunakan 'pre printed' baucar dan pesanan tempatan mulai Ogos 2010. Penggunaan ini lebih menjimatkan kos kerana PL tidak perlu menempah baucar dan pesanan tempatan dari Syarikat Pencetakan. Kedua-dua dokumen ini dibezakan oleh warna kertas yang berbeza iaitu biru untuk baucar dan kuning untuk pesanan tempatan.

Hari Bertemu Pelanggan

Jabatan Kewangan juga telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan pada 30 Julai 2010. Objektif program ini diadakan untuk memberi peluang kepada kakitangan membuat semakan dan mendapatkan maklumat jika terdapat kemosyikilan mengenai prosedur dan peraturan kewangan, khususnya:-

- Tuntutan eluan perjalanan dan perbatuan;
- Tuntutan eluan kerja lebih masa ; dan
- Prosesan pesanan tempatan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Fungsi utama Jabatan Pengurusan Sumber Manusia ini adalah mengendalikan Urusan Perkhidmatan, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), Pembangunan Latihan dan Kerjaya serta beberapa fungsi utama yang lain.

Penstrukturan Semula Organisasi (RE - Organisation)

Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2010 Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan sejumlah 17 jawatan iaitu 6 jawatan fleksi dan 11 jawatan baru yang menjadikan jumlah jawatan keseluruhan adalah 494 orang. Manakala jumlah keseluruhan jawatan pegawai termasuk jawatan tetap, kontrak, sambilan dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS) yang berkhidmat di organisasi ini adalah seramai 587 orang. Terdapat 25 lantikan baru telah dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan sehingga 31 Disember 2010.

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan untuk Tahun 2010

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH PERJAWATAN 2010	CATATAN (LANTIKAN BARU)
JUSA	1	-
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	46	-
Kumpulan Sokongan 1	184	>20 orang lantikan baru
Kumpulan Sokongan 2	356	>20 orang lantikan baru
Jumlah Keseluruhan	587 orang	40 orang

Penggunaan Sistem HRMIS :

Penilaian Prestasi Tahunan & Perisytiharan Harta

Perlaksanaan Sistem HRMIS telah dipanjangkan ke seluruh jabatan-jabatan kerajaan termasuk Perbadanan Labuan bermula pada tahun 2008. Pada tahun 2010 pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah melancarkan Modul Penilaian Prestasi dan Modul Pengisytiharan Harta di dalam sistem HRMIS serta berkuatkuasa pada tahun semasa. Pada tahun ini seramai 513 pegawai Perbadanan Labuan telah di uruskan penilaian prestasi tahunan. Jabatan ini juga dalam proses untuk memastikan pada tahun 2011 semua urusan bagi penilaian prestasi tahunan menggunakan sistem HRMIS sepenuhnya tanpa menggunakan borang yang digunakan sebelum ini. Walaupun terdapat kekangan daripada sistem tetapi jabatan ini juga telah membuat percubaan bagi Modul Pengisytiharan Harta untuk diaplikasikan di Perbadanan Labuan. Melalui tempoh percubaan yang ditetapkan hanya seramai 69 orang atau 15.27 % pegawai telah membuat perisytiharan harta dengan menggunakan Sistem HRMIS tersebut.

Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang Pegawai

Pada 23 Mac 2010 Panel Pembangunan Sumber Manusia Perbadanan Labuan telah bersidang dan bersetuju untuk mengiktiraf serta memberikan penghargaan kepada warga Perbadanan Labuan yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2009. Panel tersebut telah memilih seramai 40 orang pegawai untuk diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Majlis penganugerahan telah diselaraskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang diadakan di Hotel IOI Marriot Putrajaya pada 24 Jun 2010. Jadual berikut menunjukkan jumlah penerima APC bagi tahun nilaiannya 2009 mengikut kumpulan perkhidmatan.

Jadual 2 : Jumlah Penerima APC Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

KATEGORI	JUMLAH PENERIMA 2009
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	12 Orang
Kumpulan Sokongan 1	18 Orang
Kumpulan Sokongan 2	10 Orang
Jumlah Keseluruhan	40 Orang

Penerima APC bagi Tahun 2009



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kenaikan Pangkat Pegawai

Pihak Pengurusan telah mempertimbangkan urusan kenaikan pangkat bagi pegawai melalui Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perbadanan Labuan. Urusan ini dibuat apabila terdapat kekosongan jawatan kenaikan pangkat dan calon-calon yang dipertimbangkan telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Jadual berikut menunjukkan bilangan pegawai yang berjaya mengikut kumpulan perkhidmatan.

Jadual 3 : Bilangan Pegawai dan Kakitangan Yang Diberikan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH ORANG 2010 (Orang)
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	3 Orang
Kumpulan Sokongan 1	9 Orang
Jumlah Keseluruhan	12 Orang

Pembangunan Modal Insan

Aktiviti jabatan ini juga adalah menyelaras dan melaksanakan pembangunan modal insan melalui kursus atau latihan yang dianjurkan secara dalaman dan juga luar. Pembangunan Modal Insan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan pegawai perkhidmatan awam yang mampu menyampaikan perkhidmatan yang lebih mantap dan efisien melalui penekanan terhadap elemen-elemen kerohanian, jati diri dan kerjaya. Sepanjang tahun ini jumlah pencapaian pegawai yang menghadiri kursus 7 hari adalah sebanyak 82 %. Jumlah ini telah melebihi penetapan sasaran melalui KPI yang telah ditetapkan sebanyak 60 %. Manakala bagi pencapaian pelaksanaan kursus pada tahun 2010 pula adalah 100% mengikut jadual perancangan iaitu 21 jenis kursus dan 7 ceramah agama telah berjaya diadakan.

Kursus ' Team Building ' di Kundasang, Sabah



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kursus Induksi Modul Khusus Peringkat PL



Kursus Kefahaman Elaun-Elaun Dalam Perkhidmatan



Ceramah Agama Pada Bulan Ramadhan



PENGURUSAN MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2010 Jabatan Pengurusan Maklumat telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan projek yang melibatkan teknologi maklumat dalam pembangunan Pulau Labuan seperti yang telah dirancang. Antara aktiviti dan projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

Sistem Penjejakan Dan Pengesanan Halal

Pembangunan Sistem Penjejakan dan Pengesanan Halal (*Halal Track and Trace System*) atau ringkasnya HTTS yang dipantau oleh Jabatan ini mempunyai keistimewaan iaitu penggunaan teknologi frekuensi radio (RFID). Ianya adalah sebagai pengesan elemen halal dalam bahan makanan. Dua pemain industri yang berpendapatan melebihi RM200 Juta dan RM350 Juta telah bersetuju dan tertarik menjadi perintis HTTS. Kolaborasi antara agensi bagi menjayakan HTTS telah diwujudkan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perbadanan Pembangunan Halal (Halal Development Corporation/HDC) dan Kementerian Pertanian.

Pemasangan Kamera Litar Tertutup/Close Circuit Televisions (CCTV)

Ke arah menjadikan W.P. Labuan sebagai Bandar Sejahtera pemasangan CCTV dibeberapa lokasi di kawasan bandar Labuan telah dilaksanakan. Sehingga akhir tahun 2010, projek yang berjumlah RM2,535,000.00 ini telah 80% siap dilaksanakan dari segi pemasangan dan konfigurasinya. Lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti dan dipersetujui pemasangan CCTV adalah seperti berikut :

1. Kawasan Milimewah Supermarket
2. Labuan Walk
3. Hadapan Bank Simpanan Nasional
4. Laluan Pejalan Kaki daripada Wisma PL ke Ujana Kewangan
5. Lobi Wisma PL
6. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
7. Taman Muhibbah
8. Pasar Besar Labuan (Lama)
9. Hadapan Kedai Kopi Hup Juan
10. Kawasan Hotel Pulau Labuan
11. Kawasan Labuan Supermarket
12. Marina Awam 1
13. Marina Awam 2

Kemudahan Jalur Lebar

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk menggalakkan setiap warga celik IT, kemudahan jalur lebar telah diperluas dengan pemasangan WiFi di beberapa lokasi. Lokasi yang telah mendapat kemudahan ini adalah :

1. Marina Awam PL
2. Perpustakaan Awam di Menara PL

Kajian Mengenai Aplikasi E-PBT

Jabatan Pengurusan Maklumat telah memulakan kajian aplikasi e-PBT setelah Parlimen meluluskan pemanjangan empat akta iaitu Akta 171, Akta 172, Akta 131 dan Akta 133 yang berkuatkuasa mulai 1 Jan 2011. Kajian ini adalah untuk mendapatkan kesesuaian aplikasi e-PBT dilaksanakan di PL. Jabatan Pengurusan Maklumat telah mendapat input dari empat Majlis Perbandaran/Daerah iaitu Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Daerah Marang, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang. Dari empat Majlis Perbandaran/Daerah tersebut, adalah didapati tidak semua modul digunakan. Pemilihan modul juga dibuat berdasarkan kesesuaian pelaksanaan, bilangan rekod setiap Majlis Perbandaran/Daerah, keupayaan ICT dan sokongan daripada pembekal perisian. Modul-modul utama e-PBT terdiri daripada Pelesenan, Sewa, Cukai, Penilaian/Pengurusan Harta, Perancangan / Lanskap, Bangunan / Infrastruktur & Pengiklanan.



PENGURUSAN MAKLUMAT

Penyelenggaraan ICT

Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan menyenggara kesemua kemudahan ICT untuk Perbadanan Labuan. Sehingga Disember 2010, aset ICT PL adalah seperti berikut :

1. Sistem Aplikasi
2. PLMIS

Perbadanan Labuan Management Information System (PLMIS) dibangunkan untuk keperluan Jabatan Pengurusan Harta & Penilaian, Jabatan Pengurusan Kewangan, Unit Pelesenan dan Jabatan Pentadbiran. Pembangunan aplikasi ini bertujuan untuk memudahkan Jabatan-jabatan berkaitan melaksanakan tugas harian dengan lebih sistematik. Sistem aplikasi tersebut merangkumi :

i. Sistem Penilaian Harta (*Property Assessment System*)

Mengurus dan menyimpan semua rekod berkaitan dengan pemilikan Hartanah di W.P Labuan. Melalui sistem ini bil cukai kadar akan dikeluarkan setiap tahun berdasarkan data dan rekod pemilikan hartanah semasa yang ada.

ii. Sistem Sewaan Harta (*Property Rental System*)

Mengurus dan menyimpan semua maklumat atau data-data penyewa rumah dan premis milik Perbadanan Labuan dan setiap bulan bil sewaan akan dijana dikeluarkan melalui modul sistem ini.

iii. Sistem Kaunter Bayaran (*Counter Payment System*)

Menjalankan semua aktiviti kutipan bayaran dan hasil yang berkaitan dengan PL sahaja. Pada tahun 2011 modul ini akan dipasang dengan kemudahan pengimbas Kod Bar (Barcode Reader) bagi membantu mempercepatkan proses terimaan bayaran dikaunter bayaran ini.

iv. Sistem Legar Am (*General Ledger*)

Menyalurkan semua hasil kutipan mengikut nombor vote yang telah ditentukan oleh pihak Jabatan Pengurusan Kewangan dan Akaun.

v. Sistem Maklumat Lesen (*License Information System*)

Menyimpan semua rekod lesen perniagaan yang ditadbir serta diurus oleh Unit Pelesenan PL.

vi. Sistem Aset Tetap

Menyimpan semua rekod aset tetap milik PL yang diurus oleh Jabatan Pentadbiran PL.

vii. Sistem Sumbangan Mambantu Kadar (SMK)

Menyimpan data-data hartanah milik agensi Kerajaan lain yang mendapat bantuan sumbangan membantu kadar. Sistem ini juga untuk memudahkan PL mengurus penyelarasaran rekod-rekod hartanah milik Agensi Kerajaan yang lain dan modul ini juga digunakan untuk mengurus terimaan SMK yang dibuat oleh Agensi Kerajaan yang berkenaan.

Sehingga akhir tahun 2010 maklumat beberapa Jabatan di PL yang ada dalam simpanan adalah seperti berikut :

Rekod Pembayaran	:	32,451 rekod
Cukai Kadaran	:	13,051 rekod (aktif)
Sewaan	:	578 rekod (aktif)
SMK	:	1,718 rekod
Rekod pemilik Lesen Operasi	:	1,517 rekod
Perniagaan	:	6,911 rekod
Aset	:	7,071 rekod

Portal/Laman Sesawang PL

Laman sesawang PL telah mula beroperasi semenjak tahun 2004. Ianya mengandungi maklumat terkini berkaitan organisasi dan perkhidmatan PL disamping info mengenai Pulau Labuan. Perbadanan Labuan telah disenaraikan antara Agensi kerajaan yang terlibat dalam projek ICT Managed Portal Services (MPS). Kelebihan berada di dalam projek ini adalah, PL bertanggungjawab memastikan maklumat sentiasa dikemaskini. Justeru itu, laman sesawang PL telah menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan apabila mendapat penarafan 5 Bintang dan berada di kedudukan ke 10 daripada 1,145 portal/laman sesawang yang dinilai oleh Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) dalam tahun 2010. Sepanjang tahun 2010 pengunjung ke laman sesawang PL berjumlah 38,034 pengunjung.

PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) terdiri daripada 3 unit utama iaitu Unit Penilaian, Unit Hartanah dan Sewaan dan Unit Pengurusan Aset Tak Alih. Jabatan ini dianggotai oleh 32 orang pegawai dan kakitangan berjawatan tetap dan sambilan. Tugas utama jabatan adalah untuk meningkatkan kutipan hasil atau sumber dalaman Perbadanan Labuan, menyediakan kemudahan tempat tinggal dan premis perniagaan untuk disewakan.

Kutipan Hasil Cukai Kadaran


Jabatan ini melaksanakan pendaftaran bangunan seterusnya mengenakan cukai kadaran mengikut peruntukan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Mulai 1 Januari 2012 kenaan cukai kadaran akan menggunakan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dipanjangkan pemakaianya ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2010 sebanyak 12,963 pegangan hartaan telah didaftarkan dan dikenakan cukai kadaran dengan tambahan sebanyak 429 pegangan hartaan baru iaitu meningkat sebanyak 3.4% berbanding jumlah pegangan hartaan tahun 2009.


Cukai kadaran merupakan penyumbang utama sumber dalaman Perbadanan Labuan yang menyumbang sebanyak RM15.31 juta atau 41% dari jumlah keseluruhan pendapatan atau sumber dalaman yang berjumlah RM37.27 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Kutipan cukai kadaran meningkat sebanyak 24% berbanding cukai kadaran yang dikutip tahun 2009 yang berjumlah RM11.634 juta. Kutipan ini juga telah melepas sasaran Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan Perbadanan Labuan.

Tunggakan cukai kadaran berakhir 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM2.436 juta iaitu meningkat sebanyak 8.5% berbanding jumlah tunggakan cukai kadaran tahun 2009 yang berjumlah RM2.244 juta. Pecahan tunggakan cukai kadaran mengikut zon boleh diteliti melalui carta berikut:


Carta 1: Tunggakan Cukai Kadaran Berakhir 31 Disember 2010



Carta 2 : Tuggakan Cukai Kadaran Di Zon Bandar dan Pinggir Bandar



Carta 3 : Tuggakan Cukai Kadaran Di Zon Kampung



PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Dalam usaha untuk meningkatkan hasil kutipan cukai kadaran ini, notis tuntutan cukai tertunggak telah dikeluarkan untuk menyelesaikan masalah tunggakan tanpa perlu membawa kes ke mahkamah. Kekangan yang dihadapi oleh Perbadanan Labuan untuk mengutip cukai tertunggak adalah disebabkan kekurangan peruntukan penguatkuasaan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Bagaimanapun, isu tunggakan cukai ini dijangka dapat diselesaikan dengan lebih berkesan setelah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dipanjangkan di WP Labuan pada 1 Januari 2011. Akta ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan menyita apa-apa harta alih kepunyaan pemilik atau penduduk harta yang tertunggak cukainya.

Memandangkan jumlah kutipan cukai kadaran pada bulan Ogos didapati begitu perlahan dan menurun sebanyak 80% berbanding bulan sebelumnya, Perbadanan Labuan telah mengeluarkan sebanyak 3,099 notis peringatan tunggakan kepada pemilik harta yang mempunyai tunggakan melebihi RM10. Kesannya kutipan hasil cukai kadaran menunjukkan peningkatan purata 50% setiap bulan berbanding kutipan bulan sebelumnya.

Selain kutipan cukai kadaran harta milik individu, Perbadanan Labuan juga diberi kuasa untuk mengenakan cukai kadaran ke atas 1,743 harta milik Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah. Jumlah Cukai yang dikutip melalui Sumbangan Membantu Kadar adalah sebanyak RM3.06 juta.



Kutipan Hasil Sewaan

Bagi menjalankan tanggungjawab sosial, Perbadanan Labuan juga menyediakan 520 unit rumah kediaman, 151 buah premis perniagaan, ruang pejabat dan lot-lot tanah industri yang disewakan. Kutipan sewa harta milik Perbadanan Labuan pada tahun berakhir 31 Disember 2010 meningkat sebanyak 16.82% iaitu RM2.57 juta berbanding RM2.20 juta pada tahun 2009. Antara usaha yang dijalankan termasuklah mengetatkan syarat dokumen perjanjian sewaan, mengambil tindakan penguatkuasaan, menutup premis dan membawa kes ke mahkamah. Berakhir 31 Disember 2010 tunggakan sewa yang berjaya dikutip hanya 76.6% bersamaan dengan RM196,715.00 dari jumlah tunggakan sewa berakhir 31 Disember 2009 yang berjumlah RM265,795.00.

Bermula April 2010, Perbadanan Labuan telah menjalankan operasi serampang dua mata "Ketuk dan Pujuk" yang bertujuan membanteras kes sub-sewa atau sewa kecil rumah sewa dan premis niaga yang didapati berleluasa. Dengan pendekatan tegas tapi mesra, operasi ini telah berjaya mengurangkan kes sub-sewa dan berjaya memujuk penyewa untuk menjelaskan sewaan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian sewaan. Menjelang Oktober 2010, 80% penyewa telah menjelaskan sewa dalam tempoh yang ditetapkan dan selebihnya mempunyai tunggakan satu (1) hingga tiga (3) bulan. Bagi penyewa penghutang tegar yang gagal menjelaskan sewa mencecah tiga (3) bulan notis peringatan merah akan ditampal di pintu dan dikategorikan sebagai penyewa bermasalah. Pemantauan rapi dibuat ke atas penyewa-penyewa ini dan jika tunggakan sewa berterusan, dokumen perjanjian sewaan akan ditamatkan dan premis akan disita.



Pengurusan Hartanah Perbadanan Labuan

Selain menyenggara dan mengemaskini rekod harta tanah Perbadanan Labuan, jabatan ini juga bertanggungjawab mengurus permohonan tanah, pengambilan balik tanah, menjelaskan cukai-cukai tanah, menyediakan perlindungan insuran dan memastikan semua kerosakan aset tak alih Perbadanan Labuan disenggara dan dibaikpulih dari semasa ke semasa. Perbadanan Labuan telah memulakan kerja-kerja merekod meliputi kitaran hayat harta tak alih Perbadanan Labuan termasuk sejarah perolehan, penggunaan, kerja-kerja penyenggaraan, kos terlibat, pelupusan cukai dan insuran. Rekod yang lengkap membolehkan analisa 'outcome' dibuat dan memastikan harta tak alih yang diperolehi dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan Perbadanan Labuan.

PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Usaha galakan pelancongan, kebudayaan dan kesenian terus dipergiat dalam tahun 2010. Dalam industri pelancongan tumpuan diberikan khusus terutamanya dalam tiga aspek utama iaitu penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan domestik, penyelarasan dan pembangunan semula produk-produk pelancongan dan melaksanakan promosi dan pengiklanan pelancongan. Manakala dalam mempergiat bidang seni dan budaya usaha terus diperkemas dengan memperbanyak aktiviti yang bersifat merakyatkan seni budaya di kalangan masyarakat. Perkara ini diberi penekanan khususnya melalui program persembahan kebudayaan dalam acara-acara kelolaan Jabatan Pelancongan dan pelaksanaan Program Tunas Budaya dikalangan generasi muda khususnya di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi .

Penganjuran Acara-Acara Antarabangsa

Acara-acara yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

- i) *Labuan International Sea Challenge (LISC) 2010* yang dianjurkan dengan saluran peruntukan sebahagian nya daripada Kementerian Pelancongan Malaysia. Acara-acara pengisian adalah seperti berikut;
 - a) *Labuan International Games Fishing Tournament.*
 - b) Pertandingan Joran Pesisir Pantai.
 - c) *Cross Channel Swimming Challenge.*
 - d) Pertandingan Bayi Sihat.
 - e) Pertandingan Arca Bertemakan Marin.
 - f) Pertandingan Pukul Bantal.
 - g) Round Island Kayak Challenge.
 - h) Kayak Sprint.
 - i) Pertandingan Model XXXL.
 - j) Pertandingan Memanjat Tiang Licin.
 - k) Pertandingan Tarik Tali Berperahu.
 - l) Pertandingan Joran Pantai.
 - m) Pertandingan Mewarna.
- ii) *Borneo International Yachting Challenge (BIYC) 2010.*
- iii) *Remembrance Day 2010.*
- iv) *WWII Memorial Ceremony 2010.*



PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN



Kelebihan W.P Labuan sebagai sebuah pulau yang mempunyai persisir pantai yang menarik dan mempunyai pelabuhan dalam dan terlindung telah dimanfaatkan sepenuhnya. Penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti *Labuan International Sea Challenge* dan *Borneo International Sea Challenge* menyaksikan pertambahan penyertaan daripada negara-negara luar. Dalam tahun 2010 jumlah peserta antarabangsa yang menyertai pelbagai acara dalam *Labuan International Sea Challenge* dan *Borneo International Yachting Challenge* meningkat kepada 183 orang berbanding penyertaan tahun 2009 dengan penyertaan sebanyak 147 orang. Penyertaan pelayar-pelayar antarabangsa juga bertambah dalam *Borneo International Yachting Challenge*. Tahun 2010 menyaksikan penyertaan sebanyak 44 buah kapal layar berbanding sebanyak 32 buah kapal layar pada tahun 2009. Selain itu sub-sektor *historical tourism* juga memainkan peranan penting bagi W.P Labuan. Acara-acara yang mempunyai kaitan langsung dengan kesan peninggalan Perang Dunia Ke-2 di Pulau Labuan telah menjadi sebahagian acara penting masyarakat antarabangsa khususnya bagi negara Australia dan Jepun. Dua acara penting berkenaan adalah *Remembrance Day* dan *WWII Memorial Ceremony*.

Penganjuran Acara-Acara Domestik

Acara-acara di peringkat nasional yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

- i) Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010.

Acara-acara pengisian adalah seperti berikut;

- a) Pertandingan kibar Bendera Wilayah.
- b) Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Hari Wilayah Persekutuan.
- c) Pertandingan Takraw Tertutup W.P. Labuan.
- d) Pertandingan Futsal Tertutup W.P. Labuan.
- e) Pertandingan Lawn Bowl Integrasi dan Terbuka W.P. Labuan.
- f) Pertandingan Tarik Tali Integrasi W.P. Labuan.
- g) Pertandingan Gasing Pangkah Jemputan Borneo.
- h) Golf Terbuka W.P. Labuan.

- ii) Sambutan Hari Kemerdekaan / Hari Malaysia.

- iii) Sambutan Hari Malaysia

Acara-acara pengisian adalah seperti berikut;

- a) Pertandingan Lagu-lagu Patriotik Peringkat W.P. Labuan.
- b) Pertandingan Takraw Tertutup W.P. Labuan.
- c) Pertandingan Memancing Pesisir Pantai.
- d) Majlis Tahlil dan Doa Selamat Kemerdekaan.
- e) Pertandingan Kibar Jalur Gemilang.

- iv) Program Ekspidisi Berkayak Cabaran Borneo 2010.

- v) Program Perarakan Berjubah Graduan Sempena Majlis Konvo UMS.

- vi) Program Derau Bahasa dan Sastera.

Acara-acara di peringkat nasional memainkan peranan yang penting sebagai acara tarikan pelancongan dalam tahun 2010 khususnya pelancong domestik. Sub sektor *sports tourism* diberi penekanan sepanjang tahun 2010 kerana ianya berupaya menarik penyertaan khususnya daripada Negeri Sabah, Sarawak, W.P. Putrajaya dan W.P. Kuala Lumpur.

PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN



Penyelarasian Dan Pembangunan Kemudahan/Produk Pelancongan

Tahun 2010 merupakan tahun terakhir bagi pelaksanaan projek-projek pelancongan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Pakej Rangsangan Ekonomi II melalui peruntukan Kementerian Pelancongan Malaysia. Dua projek kemudahan/produk pelancongan yang telah siap pada tahun 2010 adalah seperti berikut :

- i) Pusat Aktiviti Homestay (PAH) Kg Sungai Labu.
- ii) Membaikpulih Menara Jam Lama.

Pembinaan kemudahan Pusat Aktiviti Homestay (PAH) Kg Sungai Labu merupakan projek infrastruktur sokongan industri homestay di W.P Labuan. Beberapa acara sokongan pelancongan telah diadakan di pusat ini sejak ianya siap dibina pada bulan Ogos 2010 antaranya ialah program Bersama Media di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Program Derau Bahasa dan Sastera sempena Bulan Bahasa Kebangsaan Dan Program Homestay Labuan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkemas penyelarasan kawalselia terhadap produk pelancongan Labuan khususnya yang berhubungkait dengan produk marin, Perbadanan Labuan telahpun menyerahkan sebuah jeti di Pulau Kuraman yang telah siap dibina kepada Jabatan Taman Laut Malaysia pada 18 Mei 2010. Selain daripada sebuah jeti, penyerahan ini juga merangkumi dua unit gazebo, satu unit bangunan tandas yang dilengkapi dengan sistem SPAH dan sebuah pondok kawalan keselamatan. Pulau Kuraman dan dua pulau lain iaitu Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil yang terletak di barat daya Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Taman Laut (Merine Park) sejak tahun 1994. Ianya merupakan satu produk pelancongan yang telah mula mengambil tempat utama sebagai salah satu tarikan pelancongan ke W.P Labuan. Taman Laut W.P Labuan adalah di bawah kawalselia Jabatan Taman Laut W.P Labuan. Buat masa ini usaha sedang dijalankan untuk menjadikan Pulau Kuraman sebagai Tapak Warisan Negara.



PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Promosi Dan Pengiklanan Pelancongan

Pelbagai keadaan digunakan untuk mempromosi W.P Labuan dalam bidang pelancongan. Pelbagai jenis risalah, banner dan juga penerbitan diusahakan bagi memberikan maklumat yang tepat mengenai produk pelancongan di W.P Labuan. Selain itu pemasangan Billboard pelancongan juga giat dilaksanakan khususnya di peringkat nasional. Antara pendekatan yang dibuat dalam mempromosi pelancongan W.P Labuan adalah seperti berikut;

- i) Mengiklankan acara-acara antarabangsa dan domestik melalui laman web rasmi Perbadanan Labuan.
- ii) Mengiklankan tempat-tempat tarikan pelancongan melalui penerbitkan rencana pelancongan di majalah-majalah pelancongan yang terpilih.
- iii) Memasang banting dan banner acara-acara yang akan berlangsung di W.P. Labuan khususnya di Bandar-bandar utama di Negeri Sabah dan Sarawak.
- iv) Melaksanakan segmen promosi di saluran TV nasional.
- v) Melaksanakan segmen "on air" di radio.
- vi) Pemasangan Billboard pelancongan.
- vii) Menyertai *road show* dan pameran pelancongan dalam expo pelancongan terpilih sama ada di peringkat Nasional dan Antarabangsa.
- viii) Melaksanakan promosi Taman Burung dengan kerjasama Jabatan Verteriner W.P.Labuan.
- ix) Menjalankan program kerjasama dengan Sabah Tourism Board bagi meningkatkan aktiviti promosi yang bersifat *awareness* program tentang W.P Labuan khususnya di peringkat antarabangsa.

Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian


Jabatan ini terus memainkan peranannya dalam memperkasa seni dan budaya tanahair melalui promosi senitari dan seni muzik serta beberapa cabang seni yang lain. Selain itu, Jabatan ini juga mengadakan program pertukaran kebudayaan "cultural exchange" di peringkat antarabangsa dengan negara terpilih. Bagi menjamin kesinambungan usaha seni dan budaya kepada generasi muda, Jabatan ini melalui Unit Budayanya melaksanakan program Tunas Budaya. Melalui program ini Badan Budaya menyediakan tenaga pengajar dalam kelas-kelas serta bengkel kebudayaan dan kesenian kepada beberapa buah sekolah terpilih. Berikut adalah aktiviti kebudayaan dan kesenian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010;

- i) Mengadakan persembahan kebudayaan dalam setiap acara antarabangsa dan domestik anjuran Perbadanan Labuan.
- ii) Mengadakan pertandingan Seni Visual bertemakan Marin sempena LISC 2010.
- iii) Mempromosi Gelari Seni di Anjung Budaya.
- iv) Mengadakan program "Cultural Exchange" dengan Negara Jepun.
- v) Terlibat aktif dalam membuat persembahan di majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi anjuran Jabatan Kerajaan dan pihak swasta.
- vi) Mengadakan Program Tunas Budaya di sekolah-sekolah berikut;
 - a) SMK Pantai
 - b) SMK Mutiara
 - c) SMK Lajau
 - d) SRJK Chi Wen
 - e) Kolej Matrikulasi Labuan

Analisis Ketibaan Pelancong (Data Pelancong Asing Dan Domestik)

Tahun 2010 merekodkan sebanyak 707,458 orang pelancong mengunjungi W.P Labuan. Daripada jumlah ini sebanyak 632,959 orang adalah merupakan pelancong domestik dan 74,499 orang pula adalah merupakan pelancong antarabangsa. Pelancong domestik didominasi oleh pelancong daripada Sabah dan Sarawak manakala pelancong antarabangsa didominasi daripada Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Filipina. Ketibaan pelancong bagi tahun 2009 adalah sebanyak 708,702 orang. Ini merangkumi jumlah ketibaan pelancong domestik sebanyak 640,153 orang dan 68,549 orang pelancong antarabangsa. Walaupun jumlah ketibaan pelancong domestik sedikit berkurangan namun tahun 2010 mencatatkan sedikit pertambahan ketibaan pelancong antarabangsa seperti carta dibawah

Carta 1: Data Ketibaan Pelancong



Sumber : Kementerian Pelancongan Malaysia

PENGUATKUASAAN

Jabatan ini secara umumnya berperanan sebagai pelaksana bagi memastikan sistem perundangan yang digunakan oleh Perbadanan Labuan dipatuhi di samping memberi kesedaran yang berterusan kepada warga Labuan agar lebih prihatin terhadap wilayah sendiri. Bagi memastikan keperluan yang termaktub dalam undang-undang dipenuhi, pelbagai pendekatan yang lebih memfokuskan pendidikan kepada masyarakat telah dilaksanakan di sepanjang tahun. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pemantauan dan kawalan kebersihan yang bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan di premis-premis perniagaan, kawasan-kawasan awam seperti siar kaki dan ruang niaga penjaja-penjaja kecil agar seajar dengan matlamat kerajaan menjadikan Labuan sebagai sebuah Bandar Sejahtera;




- b) Pemantauan dan kawalan ke atas apa-apa aktiviti yang bercanggah dengan perancangan pengezonan PL, kebersihan kawasan taman perumahan dan kawasan gudang serta kerja-kerja tanah yang mengotorkan jalan;
- c) Pemantauan dan kawalan operasi perniagaan bagi memastikan premis-premis perniagaan di Bandar dan Luar Bandar serta penjaja tidak menjalankan atau melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan mendatangkan impak negatif kepada pembangunan ekonomi dan perkembangan sosial di Labuan;
- d) Pematuhan terhadap kawalan trafik dan lalu lintas seperti mengunci kenderaan atau pengeluaran kompaun kepada warga Labuan yang menyebabkan halangan dan kesesakan di pusat bandar;
- e) Mengadakan kempen keselamatan jalan raya yang lebih menumpukan mengenai kefahaman dan mendidik masyarakat mengenai kepentingan mematuhi peraturan jalan raya.



Hasil dari pemantauan yang dijalankan, sebanyak 10,045 kompaun telah dikeluarkan oleh jabatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 6,472 kompaun. Peningkatan ini secara amnya disebabkan adalah beberapa faktor seperti sebilangan peniaga baru yang kurang arif / peka dengan peraturan dan sistem perundungan yang terdapat di Labuan selain pertambahan bilangan kenderaan secara tidak langsung mewujudkan kesesakan atau halangan trafik di kawasan bandar. Jumlah bayaran kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 144,430.00 berbanding dahulu hanya RM 99,001.00 sahaja.

Carta 1: Pengeluaran Kompaun dan Hasil Kutipan Jabatan bagi tahun 2010



PERPUSTAKAAN AWAM

Perpindahan Perpustakaan Awam Labuan Ke Bangunan Menara PL

Perpustakaan Awam Labuan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2010 di Bangunan Menara PL yang merangkumi:

- i. Bahagian kanak-kanak (Tingkat 1)
- ii. Bahagian Dewasa (Tingkat 2)
- iii. Bahagian Multimedia (Tingkat 3)

Secara khususnya bangunan baru perpustakaan ini telah menyediakan lebih kemudahan kepada pengguna berbanding sebelumnya seperti bilik perbincangan khas, ruang multimedia yang lebih luas dan selesa serta bilik audio visual. Kemudahan ini dapat memenuhi kehendak pengguna perpustakaan yang berjumlah lebih 30,000 setahun. Bangunan baru Perpustakaan Awam ini telah dirasmikan pembukaannya oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar pada 7 Oktober 2010.





PERPUSTAKAAN AWAM

Kursus Asas Pengurusan Pusat Sumber Sekolah

Perpustakaan Awam Labuan bersama Bahagian Teknologi Pendidikan W.P.Labuan telah mengadakan kursus ini pada 25 hingga 29 Oktober 2010 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Teknologi Pendidikan Labuan. Program ini melibatkan seramai 30 orang guru yang terlibat secara langsung dalam pengurusan pusat sumber sekolah. Antara pengisian kursus ini adalah:

- i. Pengurusan berkesan Pusat Sumber Sekolah.
- ii. Galakguna Pusat Sumber.
- iii. Bengkel Pengkatalogan.
- iv. Bengkel Pengelasan Bahan.
- v. Bengkel Kemudahan Fizikal.
- vi. Bengkel Baik Pulih Bahan Rosak.

Program Perpustakaan Desa (PD)

Program Taklimat Perpustakaan Desa

Program taklimat kepenggunaan perpustakaan desa diadakan di sekolah-sekolah tadika yang terpilih seperti Tadika Perpaduan Kg. Durian Tunjong, Tadika Kemas Kg. Tanjung Aru dan Tadika Ayu Gemilang. Program ini bertujuan menggalakkan minat membaca dikalangan kanak-kanak. Selain sesi taklimat, turut dijalankan aktiviti persembahan puppet, origami dan juga mengedarkan borang keahlian perpustakaan desa kepada kanak-kanak dan juga penjaga di tadika terbabit.

Program Pintu ke Pintu

Program pintu ke pintu ini sebagai langkah penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan. Program ini bermula pada 5 April 2010 melibatkan 3 kawasan perintis iaitu Kg.Durian Tunjong, Kg. Sg. Labu dan Kg. Lajau. Program ini bertujuan menggalakkan minat membaca dikalangan penduduk setempat. Dimana petugas PD akan ke rumah pengguna dan memberi penerangan kepada isi rumah terbabit berkaitan fungsi Perpustakaan Desa, buku terbaru perpustakaan serta mengedarkan borang keahlian Perpustakaan Desa. Sebanyak 136 buah rumah telah dikunjungi.

Aktiviti Perpustakaan Desa (PD)

Aktiviti-aktiviti di Perpustakaan Desa ini dijalankan sebagai memenuhi keperluan pengguna di perpustakaan terbabit adalah seperti berikut:

- i. Pertandingan Menulis Kata Jawi diadakan pada 18 Januari 2010, bertempat di Perpustakaan Desa Kampung Lajau.
- ii. Pertandingan Bercerita Cerita Lagenda dilangsungkan pada 15 Jun 2010, bertempat di Perpustakaan Desa Kampung Durian Tunjong.
- iv. Pertandingan Mencari Maklumat telah dijalankan pada 3 Ogos 2010 bertempat di Perpustakaan Desa Kampung Sungai Labu.

Aktiviti Kem Peneguhan Kendiri Pendidikan Khas

Aktiviti ini dijalankan bersama Sekolah Kebangsaan Pekan 1 pada 8 Oktober 2010. Ia melibatkan murid-murid pemulihian khas seramai 90 orang bertujuan untuk memberi pengalaman kepada murid-murid ini sebagai persediaan untuk kehidupan sebenar mereka di masa hadapan. Ini merupakan program yang julung kali dijalankan oleh Perpustakaan Awam Labuan khusus untuk murid-murid khas di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara pengisian program adalah:

- i. Membuat kraftangan daripada bahan-bahan terbuang.
- ii. Aktiviti melukis dan membaca.
- iii. Sesi bercerita

Kempen Bulan Membaca Kebangsaan


Kempen ini adalah selaras dengan Kempen Bulan Julai Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan yang bertemakan BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA. Perpustakaan Awam Labuan (PAL) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan WP Labuan, telah mengadakan Pertandingan Mencari Maklumat sempena Kem Membaca 1Malaysia yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Bukit Kalam pada 10 Oktober 2010. Program ini dijalankan serentak di seluruh negara dari 8 hingga 12 November 2010 sebagai salah satu aktiviti galakan membaca.



PERPUSTAKAAN AWAM




Carta 1: Statistik Penggunaan Perpustakaan Awam / Desa WP Labuan



PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran terdiri daripada empat unit iaitu Unit Perkhidmatan Bandar, Unit Pelesenan, Unit Landskap dan Unit Kesihatan. Fungsi jabatan merangkumi aspek perbandaran, kebersihan, pelesenan perniagaan, kerja landskap dan kesihatan persekitaran. Sejajar dengan fungsi jabatan, pada tahun 2010 JPP telah mensasarkan beberapa usaha iaitu:

- i. Pengwujudan bandar sihat melalui penambahbaikan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu, pelaksanaan Kawalan Kesihatan Awam dan Penggalakan Penggunaan Bio-Teknologi;
- ii. Penyediaan kemudahan awam yang efektif bagi keselesaan pembangunan insan dan masyarakat melalui penyediaan taman permainan;
- iii. Penyediaan peluang dan suasana yang kondusif kepada sektor penjaja dan peniaga kecil melalui pemendekan proses mendapatkan keputusan permohonan lesen perniagaan;
- iv. Melaksanakan dasar pemuliharaan alam sekitar melalui penanaman pokok mengikut jumlah kelahiran; dan
- v. Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pengwujudan kesedaran kitar semula



Unit Perkhidmatan Bandar

Penyelenggaraan Kawasan

Kerja-kerja penyelenggaraan perkhidmatan pembersihan yang dilaksanakan merangkumi kerja-kerja seperti memotong rumput, menyapu dan membersihkan kawasan, membersihkan longkang, melupus sampah kasar, memotong dan melupus batang kayu, memangkas dan mencantas pokok serta membersihkan tempat pengumpulan sampah. Pembersihan terbahagi kepada tiga aspek iaitu:

- i. Taman Perumahan dan Gudang;
- ii. Pantai; dan
- iii. Bangunan, Jalan dan Longkang



Kerja-Kerja Kutipan Sisa Pepejal

Kerja-kerja kutipan sisa pepejal bagi seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan dengan kekerapan di antara 2 hingga 7 kali seminggu mengikut 10 zon melibatkan kawasan kampung, bandar, bangunan kerajaan, perumahan dan kawasan perindustrian. Sejumlah 30,462.57 tan sampah telah dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Bukit Kallam 16,139.25 tan dikutip oleh Perbadanan Labuan. Manakala 14,323.32 tan dibuang oleh pihak swasta . Purata kutipan keseluruhan 83.45 tan sehari.

Program Kesedaran Kitar Semula

Bagi melaksanakan dasar pemulihan alam sekitar melalui aktiviti kesedaran kitar semula, jabatan telah mengadakan sebanyak 88 aktiviti . Program terbahagi kepada Program Kesedaran dan Program Pendidikan. Program Kesedaran Kitar Semula ini melibatkan 27 kampung, 57 taman perumahan dan beberapa agensi kerajaan. Aktiviti pengisian adalah seperti pameran, mengedarkan risalah dan jual beli barang kitar semula. Manakala program pendidikan kitar semula pula memberi tumpuan kepada para pelajar sekolah dengan aktiviti ceramah, pameran, mengedarkan risalah, pemberian cenderahati dan jual beli barang kitar semula. Sejumlah 26,64 tan barang kitar semula telah dikumpul dan telah dijual kepada syarikat kitar semula.

PERKHIDMATAN PERBANDARAN



Penambahbaikan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu

Bagi merealisasikan hasrat menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai bandar sihat, jabatan telah menyediakan tempat letak tong sampah berlantai konkrit di tepi jalan luar bandar bagi 8 kawasan. Ia bertujuan menyediakan tempat meletak tong sampah yang lebih baik dan bersih di kawasan jagaan.



Unit Pelesenan

Permohonan Lesen Perniagaan

Jabatan komited dalam usaha penyediaan peluang dan suasana yang kondusif kepada sektor penjaja dan peniaga kecil melalui pemendekan proses mendapatkan keputusan permohonan lesen perniagaan. Jabatan mensasarkan sebanyak 80% pemohon Lesen Premis Perniagaan dapat diberi keputusan dalam tempoh 14 hari . Daripada 763 permohonan lesen perniagaan yang diterima dan 703 permohonan telah dapat diproses dalam tempoh 14 hari iaitu dengan pencapaian sebanyak 92.13%. Selain daripada itu, jabatan juga mensasarkan 80% daripada 554 ruang niaga dapat digunakan sepenuhnya. Hasilnya sejumlah 530 lot ruang niaga dapat digunakan sepenuhnya iaitu dengan pencapaian sebanyak 95.67%.

Unit Landskap

Penyelenggaraan Lanskap

Kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan melibatkan 14 kawasan. Terbahagi kepada:

- i. Kawasan pusat bandar
- ii. Taman-taman rekreasi;
- iii. Jalan-jalan utama dan jalan protokol; dan
- iv. Lanskap kawasan bangunan kemudahan awam milik Perbadanan Labuan.

Disamping itu, Jabatan juga bertanggungjawab menyelesaikan aduan awam yang diterima berkaitan dengan pokok-pokok yang tumbang atau yang membahayakan kepada keselamatan orang awam.

PERKHIDMATAN PERBANDARAN



Floria Putrajaya 2010

Perbadanan Labuan telah menyertai Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA Putrajaya 2010) yang bermula pada 10 - 18 Julai 2010 bersempena sambutan Hari Merdeka. Festival tahun ini menampilkan tema 'Keindahan Tropika' (Tropical Splendour) PL telah dianugerahkan 'President's Award' dalam pertandingan itu dengan konsep 'Tropika Nusantara'.

Hari Landskap Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

Bersempena Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan acara menanam 1000 pokok telah di laksanakan di Pantai Kg Sg Miri, Pantai Layangan dan Pantai Tg. Aru dan Lubuk Temiang. Sementara ini untuk program penghijauan Labuan secara keseluruhan, sebanyak 1897 pokok peneduh telah berjaya ditanam.

Pulai Basong di Taman Botani Labuan

Taman Botani Labuan yang berkeluasan 19.518 hektar (48.23 ekar) wujud sejak tahun 1957 semasa pemerintahan British di Borneo mempunyai keunikannya yang tersendiri. Di Taman Botani ini terdapat sebatang pokok hutan bandar (Urban Forest Tree) yang kedua termahal di Malaysia. Pokok Pulai Basong (*Altonia Pneumatophora*) yang berketinggian 40 meter dan ukur lilit 7.07 meter telah diiktirafkan oleh Jabatan Landskap Negara bernilai hidup RM1,556,872.28 dan menjadi pokok ikon di Taman Botani.

Penyediaan Taman Permainan Kanak-Kanak

Jabatan telah menyediakan lima taman permainan kanak-kanak dalam usaha menyediakan kemudahan awam yang efektif bagi keselesaan pembangunan insan dan masyarakat iaitu di kawasan :

- i. Taman Lazenda 1
- ii. Taman Lazenda 2
- iii. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
- iv. Taman Botani
- v. Taman Tan Boon How



PERKHIDMATAN PERBANDARAN



Unit Kesihatan

Pengurusan Kemudahan Tandas Awam

Seiringan dengan langkah-langkah ke arah bandar sihat, jabatan telah mensasarkan sekurang-kurangnya 30% jumlah tandas awam di bawah kawalan PL mencapai kualiti gred A. 9 daripada 19 buah tandas mendapat gred A .

Antara program yang dilaksanakan ialah Program "I LOVE TOILET" yang diadakan pada 06 November 2010 bertempat di Pusat Homestay Kg. Sg. Labu sempena Hari Tandas Sedunia. Program meliputi ceramah pertandingan melukis "I LOVE TOILET" untuk kanak-kanak berumur 12 tahun kebawah dan Seminar Kebersihan Tandas. Objektif program ini adalah untuk melahirkan komuniti yang bertanggungjawab menjaga kebersihan tandas menghargai kemudahan-kemudahan yang telah disediakan dan mengamalkan budaya tandas bersih.

Jabatan juga telah melaksanakan 6 kali Kursus Asas Kebersihan dan Keselamatan Makanan. 568 orang telah menyertai kursus yang diadakan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan peserta tentang kepentingan dalam menjaga kebersihan makanan dan persekitaran premis.

Seminar Kebersihan dan Kesihatan Kedai Dobi

Seminar sehari Kebersihan dan Kesihatan Kedai Dobi 2010 telah diadakan pada 09 Oktober 2010 yang lalu. Kumpulan sasaran seminar ini adalah pengusaha dan pembantu-pembantu di premis Kedai Dobi di Wilayah Persekutuan Labuan. Objektif seminar adalah untuk memberi kesedaran kepada pengusaha dan pembantu-pembantu tentang kepentingan kesihatan, kebersihan peralatan dan persekitaran premis. Seramai 24 peserta telah menghadiri seminar ini.

Kawalan Binatang dan Makhluk Perosak

Kawalan binatang meliputi aktiviti pelesenan anjing dan kawalan binatang tidak bertuan. Sebanyak 157 ekor anjing telah didaftarkan. Bagi mengawal kacauganggu binatang tidak bertuan, pemantauan dibuat setiap hari. Hasil operasi kawalan ini telah berjaya menangkap binatang tidak bertuan iaitu sebanyak 217 ekor anjing, 70 ekor burung dan 103 ekor kucing. Bagi kawalan makhluk perosak, operasi kawalan dijalankan setiap bulan di kawasan pasar, Medan Selera, tempat letak kereta PL, pusat bandar, Pulau Papan dan Rumah Pembakaran Mayat (krematorium). Hasilnya sebanyak 272 ekor tikus telah ditangkap dan dimusnahkan.

Sistem Penggredan Premis Makanan

Sejajar dengan usaha mewujudkan bandar sihat, sebanyak 135 premis makanan telah dinilai dan digredkan mengikut tahap kebersihan makanan dan persekitaran premis. Premis makanan ini terdiri daripada restoran dan kedai kopi.

Jadual 1: Penggredan Premis Makanan (Restoran / Kedai Kopi)

Bil	Bilangan Premis Makanan	Peratusan Premis dinilai	Peratusan Markah Penilaian	Gred
1	38 buah	28.2%	85-100%	A
2	85 buah	62.9%	75-84.9%	B
3	12 buah	8.9%	0-74.9%	Tiada gred
JUMLAH		100%		

KEJURUTERAAN DAN PROJEK

Pembangunan RMKe9

Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe9) sebanyak 29 projek pembangunan fizikal telah dilaksanakan dengan peruntukan yang diterima berjumlah RM285,391,000.00. Sebanyak 71.66% atau RM204,510,831.20 telah dibelanjakan sepanjang tempoh itu. Secara keseluruhan sebanyak 18 projek telah disiapkan sepanjang tempoh 5 tahun ini dan bakinya lagi masih dalam pelaksanaan. Terdapat beberapa projek mempunyai program pembangunan fizikalnya yang dibahagikan secara berfasa seperti Pembangunan Industri dan Hab Halal dan Perumahan Kaktangan Awam.

Projek-Projek Pembangunan Yang Siap Dilaksanakan

Sebanyak 9 projek pembangunan telah siap dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe9 Perbadanan Labuan dan lain-lain peruntukan kerajaan termasuk peruntukan pembangunan dari pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu :-

Masjid Kg Sg. Labu

Projek ini telah siap dan diserahkan kepada pihak Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 16 April 2010. Bangunan masjid ini telah beroperasi sepenuhnya di bawah seliaan pihak JAWI dan AJK Surau Al-Ikhsan, Kg. Sg. Labu. Masjid ini berkapasiti 200 orang jemaah pada satu masa yang turut dilengkapi dengan kemudahan dewan solat berasingan antara lelaki dan wanita, bilik imam, bilik sistem pembesar suara, bilik pengurusan jenazah, bilik air, menara, ruang wudhu' dan dapur/utiliti. Sesuai kos pembinaan berharga RM2.4 juta dengan lokasinya menghadap ke laut memberikan pemandangan menarik terutama apabila masuk waktu solat maghrib.

Halal Hub Fasa Pertama

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM26.0 juta ini melibatkan kawasan seluas 5 ekar yang terletak di Kiamsam telah dapat disiapkan pada 14 Disember 2010. Komponen utamanya projek ini ialah bangunan kilang 2 tingkat dengan keluasan lantai 2,380 meter persegi dengan kemudahan pemunggahan kontena dan 90 lot petak letak kereta.



Kerja Lencongan Jalan Baru Di Jalan Rancha-Rancha Untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Projek ini melibatkan kerja-kerja membina jalan raya lencongan berturap sepanjang 450 meter untuk menggantikan laluan Jalan Ranca-Ranca sediada di atas tapak IKS serta kerja-kerja berkaitan seperti membina tembok penahan, longkang konkrit, pemasangan penghadang jalan dan lampu jalan dengan kos keseluruhan pembinaan berjumlah RM1.8 juta. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 6 September 2010.

Pembinaan 4 Unit Kedai Teres 1 Tingkat

Lokasi projek ini terletak di kawasan penempatan semula setinggan di Kg. Sg. Bangat dan telah siap sepenuhnya pada 21 Mei 2010, ianya masih dalam tempoh tanggungan kecacatan. Projek ini melibatkan kerja-kerja membina dan menyiapkan 4 unit bangunan kedai teres seluas 72 meter persegi setiap unit serta kerja-kerja membina infrastruktur asasnya dengan kos pembinaan berjumlah kira-kira RM500,000.00.

Pembinaan Kemudahan Tandas Dan Pengindahan Pantai Tg. Batu

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM800,000.00 ini telah siap dan diserah milik kepada Perbadanan Labuan pada 20 Oktober 2010. Terdapat pelbagai kemudahan yang telah disediakan bagi bangunan termasuk kemudahan bagi OKU. Terdapat ruang mandi terbuka yang berasingan lelaki dan perempuan, kerusi menunggu yang berbumbung, kaunter, serta sistem pengumpulan air hujan (SPAH). Projek ini juga menyediakan kawasan mini rekreasi dengan menempatkan gazebo dan taman permainan kanak-kanak bersebelahan tempat meletak kereta.



KEJURUTERAAN DAN PROJEK

Gerai Makan Kg. Lubok Temiang

Projek ini siap sepenuhnya pada 31 Disember 2010 dengan kos projek sebanyak RM0.9juta. Projek ini menyediakan kemudahan bangunan gerai makan dilengkapi 4 unit gerai, 2 unit mangkuk cuci tangan dan ruang makan terbuka. Turut disediakan bangunan tandas lelaki dan perempuan dengan setiap unit dilengkapi 2 unit tandas, 1 unit urinal(lelaki) dan mangkuk cuci tangan yang terletak di luar gerai.

Laluan Berbumbung Di Jalan Merdeka

Projek yang melibatkan kos sebanyak RM90,000.00 ini telah disiapkan pada 10 November 2010 merupakan kemudahan kepada pejalan kaki yang melalui Jalan Merdeka. Jarak laluan sepanjang 30m di antara Siswazah Corner ke Terminal Feri Penumpang Antarabangsa.

Projek Beach Renourishment

Melibatkan pembinaan dua (2) buah Groyne iaitu pemecah ombak bersaiz 200m panjang dan 20m lebar di pantai Kg. Batu Manikar. Projek yang siap pada 26 November 2010 ini melibatkan kos sebanyak RM6.6 juta.

Penyediaan Tapak Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Stor Sepusat

Projek ini melibatkan kerja-kerja pemotongan dan penambakan tanah serta kerja-kerja tanah yang lain seluas 25 ekar serta kerja-kerja berkaitan seperti membina tembok penahan, penanaman rumput di cerun bukit, jalan konkrit, longkang dan mengeluarkan lebihan tanah ke Kg. Pengkalan Kapor, Ranca-Ranca. Kos pembinaan berjumlah RM3.0 juta yang menyediakan sejumlah 43 lot tapak IKS. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 6 Ogos 2010.



Projek Dalam Pelaksanaan

Sejumlah 23 projek yang sedang dilaksanakan dari pelbagai peruntukan yang diterima adalah seperti di Jadual 1, 2, 3, iaitu :

**Jadual 1 : Projek Dalam Pelaksanaan
(Peruntukan RMKe9 Perbadanan Labuan)**

Bil	Projek	Kos (RM/juta)	Komponen
1	Pembinaan Pasar Baru Labuan	30.0	Bangunan pasar beringkat yang mengandungi meja jualan ikan, daging dan sayur, kedai makan, tempat jualan barang kering dan tempat letak kereta
2	Industri Pembangunan Hab Halal (Fasa 2)	27.0	Pembangunan Fizikal (Fasa 2) melibatkan pembinaan bangunan, gudang dengan keluasan 2929.92m^2 , sebuah bangunan pentadbiran, landskap dan tempat letak kereta.
3	Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah	13.0	Menyediakan tapak pelupusan sampah yang lebih sistematik dan teratur. Kajian EIA telah diluluskan. Pembangunan Fasa 1 seluas 8 hektar dijangka dapat menampung kapasiti sampah 80tan/hari.
4	Pembinaan Apartment 8 Tingkat Di Penempatan Setinggan Di Atas Lot 113, Kg. Sg. Bangat	12.3	Bangunan kediaman 8 tingkat yang kesemuanya berjumlah 64 unit bagi penempatan semula penduduk setinggan. Setiap unit mempunyai 3 bilik tidur, 2 unit tandas, dapur dan ruang tamu. Kemudahan utiliti lain disediakan seperti tempat letak kereta, rumah sampah, jalan berturap, lif, elektrik dan air.
5	Perumahan Kakitangan Awam Di Kg. Bukit Kuda (Fasa 3)	10.0	Mendirikan dewan arena dan surau sebagai kemudahan sokongan bagi Perumahan Kakitangan Kerajaan di Kg Bukit Kuda.
6	Kawalan Hakisan Pantai Di Sekitar WP Labuan	9.5	Projek diteruskan pada fasa 2 dengan komponen projek yang sama iaitu pembinaan sebuah groyne bersaiz yang sama dan penimbusan pasir sebanyak $160,000\text{m}^3$ dengan anggaran keluasan tapak penimbusan selebar 1,500m dan 60m panjang.
7	Pengubhsuaian Tingkat 4 hingga 11 Menara Perbadanan Labuan Kepada Ruang Pejabat	9.1	Kerja-kerja ubahsuai ruang dan aras di setiap tingkat yang melibatkan kerja-kerja rekaletak dalaman baru, pendawaian, lif, penyediaan bilik persidangan, bilik serbaguna dan lain-lain.
8	Kerja Tanah Untuk Tapak Pusat Komersil Bumiputera, Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat Dan Esplanade	8.2	Kerja-kerja timbus tanah seluas 14 ekar di Teluk Victoria bagi penyediaan tapak untuk pembinaan Pusat Komersil Bumiputera, Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Esplanade.
9	Kerja-kerja Infrastruktur Penyediaan Tapak Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)	6.0	Penyediaan tapak IKS, Sewerage Treatment Plant berkapasiti 250 P.E, pemasangan paip, pemasangan lampu jalan dan lain-lain kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang diperlukan.
10	Pembinaan Stesyen Teksi Dan Bas Baru Labuan	4.7	Pembinaan stesyen teksi & bas yang baru dan lebih kondusif, tempat menunggu, kiosk dan pejabat.
11	Pembangunan Labuan Walk	4.0	Bangunan restoran dan walk way sepanjang 150m yang dihiasi dengan binaan kolam air pancut, lampu hiasan dan landskap. Komponen lain ialah bangunan Restoran dua tingkat dengan keluasan lantai 300m^2 .

KEJURUTERAAN DAN PROJEK

(Sambungan) Jadual 1: Projek Dalam Pelaksanaan

Bil	Projek	Kos (RM/juta)	Komponen
12	Pembinaan Bangunan Setor Sepusat	3.7	Pejabat pentadbiran, tandas dan ruang penyimpanan barang-barang milik PL.
13	Dewan Komuniti Di Kg. Sungai Lada	2.0	Pembinaan bangunan dua tingkat berkeluasan $160m^2$, dan dilengkapi pejabat, surau, dapur, bilik mesyuarat dan tandas. Kemudahan lain ialah tempat letak kereta dan gelanggang futsal.
14	Dewan Komuniti Di Kg. Sungai Bedau	2.0	Pembinaan bangunan dua tingkat berkeluasan $160m^2$, dan dilengkapi pejabat, surau, dapur, bilik mesyuarat dan tandas. Kemudahan lain ialah tempat letak kereta dan gelanggang futsal.
15	Pembinaan Surau Di Penempatan Semula Setinggan	0.5	Surau berkapasiti 200 jemaah pada satu-satu masa mengandungi dewan solat jemaah lelaki dan wanita, tempat wudhu', bilik imam, bilik khatib dan tandas.
16	Pembinaan Surau Di Penempatan Sementara Kiansam	0.2	Pembinaan yang sangat minima dan ringkas walaupun ianya bakal menampung 400 jemaah pada satu-satu masa mengandungi dewan solat lelaki dan wanita, bilik wudhu' dan tandas. Dua tangki dengan menggunakan sistem SPAH disediakan.
17	Cadangan Pembinaan Taman Rekreasi Offshore (Padang Golf)	36.4	Padang Golf (18 lubang), rumah kelab, <i>driving range</i> , tempat letak kereta dan landskap. Walau bagaimanapun, projek ini telah mendapat khidmat Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakannya sehingga siap.

Jadual 2 : Projek Dalam Pelaksanaan (Peruntukan Pembangunan RMKe9 Kementerian Pelancongan)

Bil	Projek	Kos (RM/juta)	Komponen
1	Eko Pelancongan Kinabenuwa, WP Labuan	3.5	Pembinaan bangunan restoran berkeluasan $470m^2$ dan jalan masuk ke restoran beserta tempat letak kereta.
2	Pusat Aktiviti Homestay Kg. Patau-Patau Dua	0.7	Pembinaan bangunan untuk dewan terbuka berkeluasan $364m^2$, dengan komponen sokongan seperti bilik pejabat, stor dan tandas.
3	Cadangan Pembinaan Pusat Aktiviti Homestay (PAH) Di Kg. Bukit Kuda, W. P. Labuan	0.7	Pembinaan bangunan 2 tingkat dengan luas $280m^2$, mengandungi 8 bilik tidur, bilik mesyuarat, pejabat, ruang aktiviti, setor, bilik komputer dan tandas. Tambahan komponen infrastruktur diperlukan iaitu mendirikan tembok penahan dari jenis gabion sepanjang 40m.
4	Cadangan Pembinaan Pusat Aktiviti Homestay (PAH) Di Kg. Sungai Labu, W. P. Labuan	0.5	Pembinaan dewan terbuka berkeluasan $364m^2$, yang mengandungi setor, pejabat dan tandas, di samping penyediaan tempat letak kereta.
5	Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Tugu Peringatan Perang, WPL	0.5	Pembinaan kemudahan tandas, tempat letak kereta dan longkang.

Jadual 3 : Projek Dalam Pelaksanaan (Peruntukan Pembangunan JAKIM)


Bil	Projek	Kos (RM/juta)	Komponen
1	Masjid Kampung Durian Tunjung	4.1	Ruang Solat (1000 jemaah), pejabat, menara, tempat pengurusan jenazah, dapur, menara, bilik kuliah, perpustakaan, tempat wudhu', tempat letak kereta dan tandas.

Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Sebanyak RM3.21 Juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan perincian adalah seperti di bawah ini.

Carta 1 : Pecahan Perbelanjaan Bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan

■ Mekanikal RM 1.153 Juta	■ Bangunan RM 0.893 Juta	■ Jalan RM 0.444 Juta	■ Elektrikal RM 0.72 Juta
------------------------------	-----------------------------	--------------------------	------------------------------



KEJURUTERAAN DAN PROJEK

Aktiviti Unit Bengkel

Setiap tahun Unit Bengkel memfokuskan kepada tiga (3) aktiviti utama penyelenggaraan iaitu penyelenggaraan berkala, pemulihan dan ramalan. Penyelenggaraan berkala dan ramalan adalah penyelenggaraan yang dirancang berpandukan kepada tempoh atau jarak perjalanan sesuatu kenderaan. Penyelenggaraan pemulihan pula adalah bergantung sepenuhnya kepada aduan kerosakan yang diterima sepanjang tahun. Kesemua aktiviti penyelenggaraan ini dikhususkan untuk 96 buah kenderaan PL yang terdiri daripada tujuh (7) klasifikasi iaitu Lori Kompaktor, Lori Pengangkut, Pacuan Empat Roda, Sedan/Salon, Bas/Van, Motorsikal dan Traktor/Roadsweeper. Aktiviti-aktiviti ini telah dilaksanakan dengan peruntukan mengurus berjumlah RM 640,440.00. Prestasi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan ini boleh dilihat di Carta 2 dan Jadual 4: -

Carta 2 : Prestasi Aktiviti Penyelenggaraan Berkala 2010



Secara keseluruhan kerja penyelenggaraan sukar mencapai jumlah bulanan yang dirancang disebabkan faktor-faktor berikut:

- (i) Berlaku kerosakan yang memerlukan tindakan pembaikan dibuat terlebih dahulu (kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan bersekali semasa pembaikan),
- (ii) Terdapat beberapa kenderaan khusus seperti Mercedenz yang dikenalkan kepada pembekal asal,
- (iii) Terdapat kenderaan tidak dihantar oleh pemandu kenderaan tersebut; dan
- (iv) Terdapat kenderaan yang telah disenarai lopus, tidak digunakan lagi atau rosak teruk yang tidak perlu diselenggara lagi.


Secara keseluruhan terdapat sejumlah 411 kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan ke atas kenderaan PL dengan dua kaedah iaitu pembaikan dalaman yang mana ianya dibaiki sendiri di unit ini dan pembaikan luar (kenderaan dihantar ke bengkel-bengkel luar untuk pembaikan yang lebih serius). Dari sejumlah 411 bilangan kerosakan, sebanyak 274 pembaikan telah dilaksanakan sendiri di bengkel PL.

Jadual 4 : Frekeunsi Aduan Kerosakan Mengikut Klasifikasi

Klasifikasi	Jan	Feb	Mar	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jum
Lori kompaktor	17	13	18	16	14	13	21	13	21	13	14	12	185
Lori pengangkut *	3	2	5	9	4	5	7	3	5	5	7	3	58
Pacuan 4 roda	6	7	9	7	10	9	3	9	3	11	8	4	85
Sedan/Salon/ Mini	3	0	0	8	1	3	3	1	1	4	6	1	31
Bas/Van	3	2	4	3	1	3	3	1	1	4	2	5	32
Traktor	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	4
Motosikal	1	2	3	2	0	3	1	1	0	2	1	0	16
Jumlah	33	26	37	45	30	36	37	30	31	40	39	27	411

* Lori pengangkut BDM 7, 10 tan, lori tangki air dan *special vehicle* seperti *tail lifter* dan *sky lifter*.

Carta 3 : Pecahan Klasifikasi Bilangan Kerosakan



Prestasi perbelanjaan untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan yang diurus sendiri oleh Unit Bengkel adalah memuaskan, iaitu sebanyak 96.19% atau RM616,043.63 telah dibelanjakan sepanjang tahun lepas dari peruntukan yang diterima. Perbelanjaan ini meliputi penyelenggaraan kenderaan, pembelian alat ganti kenderaan, pembelian alat ganti peralatan, minyak pelincir dan barang-barang keperluan bengkel yang lain.

Pencapaian Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)

Dalam teras Memperkasa Penggunaan Teknologi Untuk Meningkat Kualiti Hidup pada Indeks Petunjuk Prestasi (KPI), jabatan ini telah berjaya memperoleh tahap sangat melepas sasaran untuk kerja-kerja penyediaan tiang lampu solar di WP Labuan. Sebanyak 30 unit tiang lampu solar telah dipasang di WP Labuan berbanding perancangan awal hanya 10 unit tiang lampu sahaja.

PELABURAN DAN SOSIO EKONOMI

Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkara-perkara untuk menjadikan Labuan sebagai lokasi pelaburan yang kondusif, merancang strategi, menyelaras dan melaksanakan program-program pembangunan kampung, program sosial W.P Labuan, dan merancang dan melaksanakan program pembasmian kemiskinan.

Peningkatan Pelaburan Khususnya Sektor Industri Di W.P Labuan

Penyediaan Tapak Industri berkaitan dengan Minyak dan Gas di W.P Labuan.

Tapak Industri ini disediakan di atas tanah milik Perbadanan Labuan di lot CL 205389582 dengan keluasan 12.09 ekar dan CL 205389564 dengan keluasan 26.6 ekar yang terletak di kawasan Rancha-Rancha, W.P Labuan. Tapak ini akan menyediakan sebanyak 15 lot tapak industri pelbagai saiz yang akan dipajakan kepada syarikat-syarikat yang berminat. Tapak ini telah mula dibangunkan bermula pada tahun 2010 dengan kos projek bernilai RM200,000.00 dan telah siap dan mula dipajakkan kepada 7 buah syarikat pada tahun 2010. Kadar pajakan untuk satu ekar adalah RM6,000.00 sebulan. Penyediaan tapak dijangkakan akan mewujudkan peluang pekerjaan seramai 200 orang.

Bangunan Halal Hab di Kiansam, W.P Labuan

Lokasi pembinaan Kompleks Halal Hab ini adalah terletak di Jalan Kiansam iaitu sejauh 12km daripada Pusat Bandar W.P Labuan. Projek ini dicadangkan bagi membangunkan industri yang berkaitan makanan halal marin dengan kelebihan jejak dan kekesanan produk. Pembinaan Kompleks Halal Hab ini terbahagi kepada Fasa Pertama dan Fasa Kedua. Pembinaan Fasa pertama bermula pada Mac 2009 yang dijangka siap sepenuhnya berakhir tahun 2010 dengan nilai kos projek RM50 juta dan fasa pertama ini telah siap 100%.

Projek Padang Golf 18 Lubang di Kiansam, W.P Labuan


Projek padang golf seluas 80.98 hektar merangkumi saiz 7,000 meter panjang dan 35 meter lebar sedang dibina di kawasan Kiansam, W.P Labuan. Pembinaan yang strategik dengan kedudukannya di atas bukit berhampiran pantai dan mempunyai pemandangan indah menghadap Laut China Selatan itu adalah bertujuan sebagai usaha meningkatkan daya tarikan Labuan sebagai destinasi pelancongan. Projek ini melibatkan kos pembinaan sebanyak RM34 juta yang bakal dilengkapi bangunan kelab, bilik persalinan, surau, rumah kelab dan kawasan latihan.

Peningkatan Ekonomi Dan Perniagaan Masyarakat Di W.P. Labuan

Sasaran Miskin Tegar Sifar Di W.P. Labuan

Jabatan ini juga bertanggungjawab memastikan dasar kerajaan mensasarkan miskin Tegar sifar pada tahun 2010 akan tercapai. Melalui sistem e-Kasih, di W.P. Labuan miskin tegar adalah berjumlah 69 ketua isi rumah dan Labuan telah diiktiraf sebagai wilayah yang pertama mencapai miskin tegar sifar pada tahun 2010.

Carta 1: Jumlah Miskin Tegar



Tapak Gerai Perniagaan di Kampung Lubuk Temiang

Projek ini melibatkan pembinaan bangunan gerai makan daripada struktur kayu (berkeluasan 2772 k.p) yang mana mengandungi empat (4) unit gerai memasak termasuk ruang makan terbuka serta bangunan tandas dan rumah sampah. Selain itu, kemudahan infrastruktur seperti tapak letak kereta dan laluan pejalan kaki juga telah disediakan. Pembinaan gerai ini akan meningkatkan ekonomi penduduk setempat dengan menarik perhatian orang awam berkunjung ke kawasan perniagaan tersebut.

Program Latihan Kemahiran Dan Kerjaya (PLKK)

Program Latihan dan Kerjaya adalah satu peluang untuk mendedahkan kemahiran ke tahap yang lebih tinggi seterusnya melahirkan usahawan yang berjaya pada tahun 2011. Pada tahun ini, bahagian sosio ekonomi telah melaksanakan aktiviti asas Keusahawanan kepada para peserta yang berpotensi dalam perniagaan. Program ini telah diadakan pada 27 hingga 28 Oktober 2010 di Dewan Mini Auditorium, Anjung Budaya, Taman Damai, Layang-layangan W. P. Labuan.

Latihan Kemahiran Kimpalan, Jahitan Dan Membaiki Telefon Bimbit

Perbadanan Labuan dengan kerjasama Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan Giatmara W.P. Labuan telah mengadakan Kursus Kimpalan, Jahitan dan Kursus Membaiki Telefon Bimbit. Kursus ini melibatkan 30 peserta e-kasih yang terdiri daripada golongan ketua isi rumah, ibu tunggal dan para remaja. Pihak ICU telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM 121,660.00 untuk menjayakan program ini.

PELABURAN DAN SOSIO EKONOMI

Bantuan Sewa Rumah dan Buku Amanah Saham Wawasan

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Perbadanan Labuan telah mengenalpasti individu yang layak untuk menerima bantuan sewa dimana setiap seorang menerima RM 1,488 setahun. Pemberian buku Amanah Saham Wawasan telah diberikan kepada 76 peserta yang telah disenarai pendekkan daripada senarai e-kasih. Tujuan pemberian buku amanah saham ini merupakan salah satu langkah kerajaan untuk memberi bantuan kepada peserta yang layak.

Pembangunan Infrastruktur Asas Kampung Dan Komuniti


Perbadanan Labuan telah melaksanakan 42 projek-projek kampung di W.P Labuan seperti kerja-kerja membaikpulih tandas dan balairaya di Kampung Sungai Lada, kerja-kerja membaikpulih jalan simen, kerja-kerja membina dan menyiapkan satu unit perhentian bas di Sekolah Kebangsaan Pantai, pembinaan jalan simen simpang Kampung Lubuk Temiang, kerja-kerja membina dan menyiapkan stor baru di tanah perkuburan Islam kampung Sg. Buton. Prinsip ini selaras dengan dasar Negara "Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan".

Peruntukan Projek-Projek Kecil Di W.P Labuan dengan menggunakan peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Peruntukan Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri

Perbadanan Labuan telah menerima 2 peruntukan yang telah disalurkan oleh 2 agensi kerajaan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berjumlah RM 540,000.00 dan peruntukan Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM 300,000.00.

Peruntukan Projek Kecil Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

Perbadanan Labuan telah melaksanakan 27 projek kecil yang telah dinilai keperluan dari segi keutamaan kepada penduduk tempatan. Projek-projek kecil ini telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2010. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti kerja-kerja menaiktaraf jalan simen serta kerja-kerja berkaitan di simpang Kg. Belukut, kerja-kerja menaiktaraf balairaya Kg. Bukit Kuda, kerja-kerja membina dan pembinaan tempat letak kereta di Surau Kg. Pantai dan lain-lain lagi



Peruntukan Unit Penyelarasan Dan Perlaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Perbadanan Labuan telah membelanjakan RM300,000.00 yang telah disalurkan dengan membina dan menaiktaraf projek-projek sedia ada di kawasan luar bandar. Diantara projek yang telah dilaksanakan adalah seperti menaiktaraf kemudahan balairaya dan masjid serta jalan kampung. Projek-projek kecil ini telah dilaksanakan dengan menggunakan sistem cabutan undi berkomputer ICU, JPM.

Pembinaan Pusat Komuniti di Kg. Sungai Bedaun dan Kg. Sungai Lada, W.P Labuan

Pusat Komuniti yang terletak di Kg. Sungai Lada dan Kg. Sungai Bedaun dibina adalah bertujuan untuk menyediakan sebuah kompleks pentadbiran kampung bagi kegunaan awam, terutamanya masyarakat / komuniti setempat. Kos bagi pembinaan Pusat Komuniti bagi kedua-dua kampung ini adalah tidak melebihi sebanyak RM4 juta yang melibatkan pembinaan komponen utama seperti Bangunan Pentadbiran, Dewan Keramaian, Perpustakaan Desa, Pusat ICT dan Kemudahan Rekreasi. Pembinaan Pusat Komuniti ini telah mula dibina pada tahun 2010 dan akan dijangka siap pada pertengahan tahun 2011.

PELABURAN DAN SOSIO EKONOMI

Pembangunan Sosio Dan Kebajikan Masyarakat

Gotong - Royong 1 Malaysia Peringkat W.P Labuan

Jabatan ini telah bekerjasama dengan 2 buah kampung untuk melaksanakan program gotong - royong 1 Malaysia. Gotong - royong telah diadakan di Kampung Lubuk Temiang dan Kampung Sg. Miri. Objektif utama program ini adalah melibatkan penduduk tempatan bekerjasama bagi melaksanakan kerja-kerja baikpulih rumah golongan kurang kemampuan. Melalui program ini juga bantuan peralatan sangkar ketam kepada beberapa golongan sasar yang terdiri daripada ibu tunggal, orang kurang upaya dan golongan warga tua.

Program Lalulintas Shell Tahun 2010 Peringkat W. P. Labuan

Program Lalulintas Shell merupakan program tahunan dengan kerjasama pihak swasta iaitu SHELL dan agensi kerajaan seperti Jabatan Pendidikan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perpaduan dan lain-lain lagi. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran awal tentang kepentingan keselamatan di jalan raya kepada generasi muda khususnya para pelajar sekolah. Pertandingan ini melibatkan 8 sekolah menengah dan 14 sekolah rendah.

Tapak Perumahan Mesra Rakyat Kg. Sungai Bangat, W.P Labuan.


Perbadanan Labuan telah melaksanakan projek penempatan semula bagi setinggan di W.P Labuan yang melibatkan pembinaan Rumah mesra rakyat yang terletak di atas tanah PL di Kampung Sungai Bangat iaitu sebanyak 64 unit rumah setinggi 8 tingkat dengan dua (2) blok yang mula dibangunkan pada tahun 2009 dan dijangka siap pada tahun 2011.

Program Pembangunan Modal Insan

Seminar Jati Diri

Seminar motivasi bertujuan untuk memupuk jati diri yang waja dan membentuk sikap yang positif dikalangan para peserta yang terdiri dari kumpulan sasar dalam kategori miskin agar lebih cekal dan bermotivasi untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Program ini adalah sangat penting untuk menilai sifat yang ada pada para peserta. Program ini telah dilaksanakan pada 17 hingga 22 Mei 2010 dan melibatkan 100 peserta daripada pelbagai golongan.

Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)



Perbadanan Labuan juga membantu pihak Jabatan Pelajaran dari segi memberi peluang kepada pelajar mempelajari teknik-teknik skor A dalam subjek teras dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Perbadanan Labuan telah mengadakan kursus ini pada 2 Ogos hingga 7 Ogos 2010 di Dewan Mini Auditorium, Anjung Budaya, Taman Damai, Layang-layangan. Seramai 145 pelajar UPSR yang telah hadir dalam program ini, manakala 77 pelajar PMR dan 120 pelajar SPM telah terlibat dalam program ini.

Program Keagamaan Peringkat W. P. Labuan

Program keagamaan telah diadakan pada 22 Oktober 2010 di Masjid Kampung Sg. Labu dengan kerjasama Jabatan Agama Islam W.P. Labuan. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Labuan mengenai sumber-sumber makanan dan minuman sehari-hari kita selari dengan tajuk forum keagamaan iaitu "Macam Halal Rupanya Haram". Forum ini dihadiri seramai 300 penduduk kampung.



PERANCANGAN DAN KAWALAN BANGUNAN

Jabatan Perancangan Dan Kawalan Bangunan (JPKB) berfungsi mengatur dan mengawalselia pembangunan WP Labuan melalui penilaian perancangan, menyediakan garis panduan perancangan untuk menjaga kepentingan awam dan keselesaan penduduk, memberikan khidmat nasihat perancangan, bertanggungjawab sebagai Urus setia Pusat Setempat (OSC) serta melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan perancangan.

Kajian Petunjuk Bandar Sejahtera

Bandar Sejahtera didefinisikan sebagai "bandar yang selamat, bersih dan indah untuk didiami, bekerja dan berekreasi. Di mana aktiviti ekonomi dan kemudahan perbandaran berkembang secara terurus tanpa mengenepikan keperluan generasi akan datang".


Laporan Pangkalan Data

Laporan ini mengandungi data mengenai Pelaksanaan Petunjuk Bandar Sejahtera yang merangkumi 11 sektor perancangan yang terdiri daripada 85 Petunjuk Bandar Sejahtera bagi PL. Turut diuraikan tujuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Sejahtera dan sumber data yang diperolehi serta ketepatan data. Data asas yang digunakan adalah data tahun 2009.


Tahap Pencapaian

Bagi data tahun 2009 skor bagi Wilayah Persekutuan Labuan ialah 81.48% iaitu mencapai tahap sejahtera berbanding tahun 2007 iaitu sederhana sejahtera. Carta 1 menunjukkan pencapaian setiap indekator yang digunakan di WP Labuan bagi tahun 2008. Pada tahun tersebut WP Labuan menggunakan 81 indekator untuk bandar sejahtera. Manakala Carta 2 menunjukkan perincian pencapaian setiap indekator bagi tahun 2009 iaitu melibatkan 79 indekator. Perincian pencapaian bagi 3 tahun berturut-turut terdapat pada Carta 3.

Carta 1: Pencapaian Setiap Indekator Yang Digunakan W.P Labuan Bagi Tahun 2008.




Carta 2 : Pencapaian Setiap Indekator Yang Digunakan W.P Labuan Bagi Tahun 2009.



PERANCANGAN DAN KAWALAN BANGUNAN

Carta 3 : Pencapaian Bagi Wp Labuan Untuk Tiga Tahun Berturut Turut Iaitu Dari Tahun 2007, 2008 Dan 2009.



Garis Panduan Cadangan Pembangunan Hotel Bajet

Definisi Hotel Bajet di W.P Labuan

"Hotel bajet atau kelas ekonomi ditakrifkan sebagai hotel 2 bintang atau rendah"

Garis panduan ini telah disediakan oleh jabatan dan digunakan sebagai panduan perancangan dan teknikal bermula tahun 2010. Pengelasan rating hotel adalah berdasarkan kepada kategori yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

i. Pembangunan hotel bajet baru (Free Standing Building)

Pembangunan hendaklah bersesuaian dengan zon guna tanah dan juga memenuhi kehendak-kehendak umum perancangan/teknikal. Selain itu, hotel bajet yang ingin dibina perlulah mempunyai kemudahan sampingan seperti jadual di bawah:

BILANGAN BILIK	KEPERLUAN MINIMUM
Kurang 30 bilik	Ruang menunggu dan kaunter
30 - 50 bilik	Kaunter, Ruang Menunggu & Kemudahan Surau.
50 - 100 bilik	Kaunter, Ruang Menunggu, Surau dan F&B dan kemudahan bas (bus bay) bagi turun / naik penumpang

Keperluan dari segi penyediaan tempat letak kereta bagi hotel bajet (hotel 2 bintang ke bawah) adalah seperti berikut;

- 1 petak letak kereta / 4 bilik
- Tambahan 75% untuk penggunaan lain yang berkaitan dengan operasi hotel
- Tambahan ruang berhenti bas dan teksi untuk menurun/ mengambil penumpang dalam tapak

- ii. Penukaran guna bangunan sedia ada dari bangunan rumah kedai / kedai pejabat kepada hotel bajet. Kehendak-kehendak umum perancangan adalah seperti berikut:
- Pembangunan hotel bajet di lot rumah kedai hendaklah sekurang-kurangnya melibatkan 2 unit lot rumah/kedai/pejabat dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 laluan tangga (mengikut kelulusan Jabatan Bomba & Penyelamat).
 - Mempunyai laluan legar yang bersesuaian (lebar tidak kurang 4 kaki) yang telus udara.
 - Susunan bilik yang teratur
 - Semua bilik dilengkapi bilik air
 - Saiz bilik minimum kira-kira 100kp
 - Penggunaan bahan mudah terbakar seperti dinding papan atau 'plywood' adalah tidak dibenarkan
 - Setiap bilik perlu dilengkapi sistem pengudaraan yang sempurna (pengudaraan mekanikal dibenarkan)
 - Mengadakan kemudahan pejabat pengurusan, ruang pendaftaran dan lobi menunggu.

Penyediaan tempat letak kereta bagi cadangan ini adalah seperti berikut;

- Keperluan tambahan letak kereta diperlukan bagi tambahan luas lantai baru sahaja
 - Ruang letak kereta sedia ada hendaklah dikekalkan dan tidak boleh ditukarguna untuk sebarang tujuan
 - Penambahbaikan kepada fasa sediaada digalakkan
- iii. Kelulusan semula hotel-hotel bajet sedia ada
Bagi hotel bajet sediaada di W.P Labuan ia boleh diberi kelonggaran mematuhi kehendak-kehendak umum perancangan dan teknikal dengan mematuhi syarat-syarat berikut;
- Mempunyai lesen premis hotel bajet sebelum ini dan sedang beroperasi sekarang
 - Dapat menyediakan bilik air/ tandas pada kadar sekurang-kurangnya 3 bilik tidur untuk 1 bilik air secara berpusat
 - Menyediakan tangga tambahan (mengikut kelulusan Jabatan Bombadan Penyelamat)
 - Memasang '*self contain smoke detector*' disetiap bilik dan laluan tertutup

Kajian Alam Sekitar Bersepadu WP Labuan

Kajian yang dijalankan oleh perunding National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) telah disiapkan sepenuhnya pada November 2010. Perbadanan Labuan telah menerima pakai kajian ini sebagai salah satu dari garis panduan yang perlu dirujuk oleh agensi / jabatan yang akan melaksanakan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Permohonan Melalui Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Dalam teras PL iaitu Meningkatkan Produktiviti, Daya Saing dan Nilai Tambah WP Labuan, Jabatan ini telah mencapai KPI dengan status 'sangat melepas sasaran', kerana dapat memproses permohonan untuk Kebenaran Merancang dan pelan-pelan yang melibatkan permohonan pembangunan perindustrian, perdaganga, perumahan melalui Pusat Setempat (OSC) selewat-lewatnya 90 hari berbanding 120 hari yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.

PERANCANGAN DAN KAWALAN BANGUNAN

Berikut adalah jenis-jenis permohonan yang diproses dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC):

Jadual 1: Permohonan Melalui Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah	Lulus	Tolak	Tempoh Proses / Hari					
					<30	<40	<50	<60	<70	<90
1.	Kebenaran Merancang (Pelan Susunatur & Pelan Lanskap)	43	42	1	38	5	-	-	-	-
2.	Pelan Pecah Sempadan / Bahagian / Cantuman Tanah dan Tukar Syarat Tanah	15	15	0	11	4	-	-	-	-
3.	Pelan Bangunan	34	32	2	26	5	2	1	-	-
4.	Pelan Ubahsuai	28	27	1	15	10	1	3	-	-
5.	Pelan Rumah Sesebuah	10	9	1	9	1	-	-	-	-
JUMLAH		130	126	5						

Permohonan Lain Yang Diproses Oleh Pusat Setempat (OSC)

Berikut adalah jenis-jenis permohonan lain yang dikendalikan oleh OSC.

Jadual 2 : Permohonan Pelan-Pelan Lain Yang Dikendalikan Oleh OSC

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah
1.	Pelan Kerja Tanah	4
2.	Pelan Infrastruktur	11
3.	Pelan M & E	3
4.	Pelan Struktur	13
5.	Sijil Menduduki Bangunan (CFO)	24
		55

Permohonan Pendaftaran Rumah Kampung, Gerai / Kedai Runcit Dan Penyambung Bekalan Air Dan Elektrik

Bermula tahun 2010 Jabatan ini telah menerima dan memproses pendaftaran gerai / kedai runcit, permohonan-pemohonan bekalan air / elektrik tetap dan sementara untuk rumah-rumah kampung yang telah didaftarkan dan tapak projek pembinaan. Jumlah permohonan yang telah diterima dan diproses oleh Jabatan ini adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 3 : Permohonan Yang Diterima

BUTIRAN	JUMLAH	LULUS	TOLAK	DALAM
Pendaftaran Rumah Kampung	191	190	1	-
Pendaftaran Kedai Runcit	12	9	2	1
Penyambungan Bekalan Air Dan Elektrik	238	-	-	-

Permohonan Ulasan Perancangan

Sebanyak 102 permohonan daripada Jabatan Teknikal, Individu dan Swasta telah diterima dan diproses. Ringkasan permohonan adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 4 : Permohonan Ulasan Perancangan

Bil	Jenis Ulasan	Jumlah	Tiada Halangan	Tolak
1.	Tukar Syarat Tanah	10	10	0
2.	Permohonan Tanah Kerajaan	5	4	1
3.	Pertanyaan Perancangan	62	47	15
4.	Angkut Tanah	7	7	-
5.	Lanjut Tempoh Pajakan	5	4	1
6.	Tukar Jenis Hakmilik	-	-	-
7.	Izin Lalu Tanah	9	9	-
8.	Permohonan Tanah Kerajaan Secara Lesen Menduduki Sementara (TOL)	4	1	3
9.	Lesen Papan Tanda / Iklan	-	-	-
		102	82	20

PENYELARASAN, PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN KAJIAN IMPAK

Peruntukan Pembangunan 2010 Di Bawah RMKe-9

Bagi tahun 2010, Perbadanan Labuan telah diluluskan sebanyak RM68.891 juta daripada siling keseluruhan RMKe9 iaitu RM337.13 juta. Daripada jumlah siling peruntukan tersebut sebanyak RM334.971 juta @ 99.4% telah-pun diterima dari tahun 2006-2010.

Penilaian Outcome Projek Pembangunan Di Bawah RMKe9

Sesi pembentangan hasil penilaian outcome telah dibentangkan kepada Mesyuarat Teknikal Outcome PL Bil 1/2010 pada 20 September 2010 dan Pembentangan Kertas Penilaian Outcome Program/Projek Pembangunan RMKe9 Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome ICU, JPM (JKPO) Siri Kedua Tahun 2010 pada 19 Oktober 2010. Senarai projek siap yang dibentangkan ialah seperti mana berikut:-

Bil	Tajuk Projek	Impak Utama
1.	Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Bangunan 2 Tingkat Pusat Aktiviti Kebudayaan.	Tempat latihan /aktiviti artis budaya PL selain menempatkan pejabat yang kekal.
2.	Cadangan Pembangunan Semula Pasar Sedia Ada	Masyarakat umum mempunyai tempat alternatif bagi penganjuran aktiviti.
3.	Cadangan Pembinaan X-Treme Arena	Kerja-kerja naiktaraf telah meningkatkan tahap keselesaan penjual dan pengguna.



Jadual 1 : Status Pelaksanaan Projek RMKe9 Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2010

Bil. Projek Rmke-9	Siap 2006 - 2009	Siap 2010	Dalam Perlaksanaan
37	24	3	10

Jadual 2 : Lawatan Ke Tapak Projek

Bilangan Kekerapan Lawatan Ketapak Projek	Bilangan Penyertaan
20 Kali	247 orang



PENYELARASAN, PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN KAJIAN IMPAK



Permohonan Projek/Program Di Bawah RmKe-10

Dibawah RMKe10, Kerajaan telah memperkenalkan konsep rolling plan dimana tahun 2011 2012 adalah merupakan rolling plan yang pertama dibawah RMKe10. Perbadanan Labuan telah diluluskan 2 projek sambungan iaitu; -

- i) Kerja-Kerja Pembinaan Sebuah Pasar Baru Labuan diatas Lot 8002 & 8008. Jalan Bunga Tanjung, Ujong Pasir W.P Labuan
- ii) Kerja-Kerja Pembinaan Stesyen Bas Dan Teksi Baru diatas Lot 8002 & 8008 . Jalan Bunga Tanjung, Ujong Pasir W.P Labuan



AUDIT DALAM

Audit Dalam memainkan peranan penting dalam mengesahkan dan memperakui keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan Labuan. Audit Dalam menyokong fungsi penyeliaan Jawatankuasa Audit untuk menjalankan pemeriksaan secara bebas dan seterusnya melaporkan hasil-hasil pemeriksaan ini terhadap kesempurnaan dan prestasi operasi-operasi perakaunan dan pengurusan. Seterusnya Audit Dalam memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan dalam mewujudkan persekitaran kawalan pengurusan yang kukuh.

Selaras dengan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit, Audit Dalam telah melaksanakan pgauditian dalam bidang-bidang berkaitan dan telah dibentangkan dalam laporan audit yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Pengesahan dan perakuan kewujudan kawalan dalaman bagi bidang-bidang yang diaudit;
- (ii) Mengenal pasti isu-isu, penemuan dan pemerhatian audit melalui penilaian kawalan bagi bidang-bidang yang diaudit;
- (iii) Syor dan penambahbaikan langkah-langkah kawalan dalaman yang dikenalpasti;
- (iv) Tindakan pembetulan pengurusan berhubung isu-isu audit, penemuan dan pemerhatian terhadap bidang-bidang yang diaudit.

Kajian-kajian Audit

Kajian-kajian audit pada tahun 2010 meliputi aktiviti operasi, audit kualiti dan kewangan seperti berikut:

- (i) Pgauditian Pengurusan Perolehan Kerja Perbadanan Labuan;
- (ii) Audit Kualiti MS ISO 9001:2008;
- (iii) Pgauditian Pengurusan Kewangan – Pembayaran Tuntutan Perjalanan dan Proses Pembayaran Dalam Tempoh 14 Hari;
- (iv) Kajian Audit Terhadap Pengurusan Penyelenggaraan Lanskap Perbadanan Labuan.

Pada keseluruhannya Audit Dalam mendapati peningkatan terhadap proses dan mekanisme kawalan dalaman Perbadanan Labuan di mana isu-isu dan penemuan audit telah berjaya diselesaikan atau sedang ditangani oleh pihak pengurusan.

Laporan Audit dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan dibentangkan kepada Anggota-anggota Perbadanan Labuan. Tindakan menambahbaik seperti disyorkan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit juga telah dan sedang diambil tindakan oleh pihak pengurusan.

Jawatankuasa Audit Perbadanan Labuan

Jawatankuasa Audit Perbadanan Labuan pada tahun 2010 dianggotai seperti berikut:

- | | | | |
|-------|---|---|-----------|
| (i) | Y.Bhg. Dato' Azizan bin Abd. Rahman | - | Pengerusi |
| (ii) | Y.Bhg. Dato' Noorizzan binti Shafie | - | Ahli |
| (iii) | Y.Bhg. Dato' Himmat Singh A/L Ralla Singh | - | Ahli |

Jawatankuasa Audit Perbadanan Labuan telah bersidang sebanyak empat (4) kali tahun ini. Isu-isu berbangkit dalam Laporan Audit dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan dibentangkan kepada Anggota-anggota Perbadanan Labuan. Tindakan menambahbaik seperti disyorkan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit juga telah dan sedang diambil tindakan oleh pihak pengurusan.



PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Khidmat Perundangan

Secara umumnya, Pejabat ini berperanan sebagai penasihat kepada Perbadanan Labuan di dalam aspek-aspek yang mempunyai implikasi perundangan. Pejabat ini juga memberikan khidmat sokongan kepada Jabatan-Jabatan lain di Perbadanan Labuan agar setiap pelaksanaan fungsi Perbadanan Labuan selaku Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa selaras dengan peruntukan undang-undang yang diguna pakai. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pejabat ini merangkumi:-

- pemberian nasihat dan rekomendasi perundangan
- penyediaan dan penyemakan dokumen perjanjian/surat ikatan
- pengeluaran notis-notis peringatan
- pengendalian kes-kes Mahkamah dan Timbang Tara
- penyelesaian pertikaian yang mempunyai implikasi perundangan
- penambahbaikan dan pemantapan undang-undang

Di samping itu, Pejabat ini juga bertindak selaku sekretariat bagi Mesyuarat Perbadanan Labuan yang perlu diadakan sekurang-kurangnya 6 kali dalam setahun selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609).

Pemerluasan Akta-Akta

Sebanyak lima (5) Akta di Semenanjung Malaysia telah mendapat perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Yang diPertuan Agong Malaysia untuk diperluaskan pemakaianya ke Wilayah Persekutuan Labuan. Akta-Akta tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] (bagi menggantikan dan memansuhan Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju) 1978);
- b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];
- c) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] (bagi menggantikan dan memansuhkan Ordinan Kerajaan Tempaan 1961 [Sabah Bab 61]);
- d) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (bagi menggantikan dan memansuhkan Ordinan Perancangan Bandar dan Desa [Sabah Bab 141]); dan
- e) Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493] (bagi menggantikan dan memansuhkan Ordinan Hiburan Awam 1958).

Pemerluasan pemakaian Akta-Akta tersebut adalah susulan daripada cadangan yang telah dikemukakan oleh PL kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar) berhubung keperluan bagi menggunakan pakai undang-undang yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang lebih luas, terperinci dan berkesan. Di samping itu, pemerluasan Akta-Akta tersebut juga dapat mewujudkan keseragaman dari aspek pemakaian perundangan, dasar dan pentadbiran bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah kementerian yang sama. Tarikh mula berkuatkuasa Akta-Akta tersebut adalah pada 01 Januari 2011.

HAL EH WAL KORPORAT

Pengurusan Aduan Awam

Dalam pengurusan aduan awam, PL banyak menerima aduan untuk mendapatkan perkhidmatan bagi kerja-kerja menyelenggara kemudahan awam, kawalan kebersihan, penebangan pokok dan lain-lain. Pada tahun 2010, sebanyak 2205 aduan awam telah diterima oleh unit ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak 97% aduan telah selesai atau 2138 aduan manakala baki 3% aduan atau 66 aduan telah dibawa kepada tahun berikutnya. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan jumlah penerimaan aduan mengikut kategori bagi tahun 2009 dan 2010 serta jadual penerimaan aduan mengikut pelbagai saluran.


Jadual 1: Perbandingan Penerimaan Aduan

Kategori	2009	2010
Kemudahan Awam/Lampu	1536	1885
Kawalan Kebersihan	206	95
Penebangan Pokok	56	51
Kawalan Binatang Liar	19	45
Penyelenggaraan Longkang	19	41
Penguatkuasaan	19	40
Penyelenggaraan Jalan	19	31
Perkhidmatan/Servis	-	11
Kawalan Bangunan	-	6
JUMLAH	1874	2205

Jadual 2 :Saluran Penerimaan Aduan

Jenis Saluran	Jumlah	Peratus (%)
Telefon	1260	57.1
Borang Aduan Pelanggan	676	30.6
Hadir Sendiri	176	7.9
Surat	30	1.3
Emel	25	1.1
Hari Bertemu Pelanggan	15	0.6
Laman Web	11	0.4
BPA	9	0.4
Surat Khabar	3	0.1
JUMLAH	2205	100

Carta 1: Statistik Aduan Selesai Mengikut Tempoh



HAL EHWAL KORPORAT

Lawatan Rasmi Ke Perbadanan Labuan

Jabatan ini turut menyelaras urusan lawatan daripada jabatan kerajaan dan swasta seluruh Malaysia ke Perbadanan Labuan. Lawatan yang diterima merupakan lawatan kerja bertujuan bertukar-tukar pandangan sambil mengambil peluang untuk melawat tempat-tempat menarik di WP Labuan. Antara lawatan yang telah diterima oleh Perbadanan Labuan adalah seperti di jadual di bawah:

Bil	Jabatan/Organisasi	Tarikh
1.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	8 Januari
2.	LKPP Property Sdn. Bhd	27 Januari
3.	Jawatankuasa Penyelaras Gabungan NGO	27-29 Mac
4.	Jabatan Lanskap Majlis Bandaraya Ipoh	28 Oktober

YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengadakan sebanyak 7 siri lawatan kerja ke WP Labuan sempena pelbagai program yang dianjurkan di peringkat WP Labuan.



Program Media Di WP Labuan



Program media di WP Labuan telah diadakan pada 7 dan 8 Ogos 2010. Program ini diadakan bagi merapatkan hubungan Perbadanan Labuan bersama pihak media dan sebagai salah satu usaha mempromosikan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan Labuan kepada orang awam. Aktiviti yang telah dijalankan adalah lawatan ke Pulau Papan, Ramah Mesra PL dan Media di Pusat Aktiviti Homestay Sg Labu, Pertandingan 1Labuan Explore Race, Pertandingan Lawn Bowls Bersama Media, Lawatan ke LOFSA dan Jamuan Makan Malam Media. Antara media yang turut serta ialah RTM, TV3, NTV7, Jabatan Penerangan, News Strait Times (NST), The Star, Berita Harian, Harian Metro, Bernama, Borneo Post, Daily Mail, Daily Express, Tamil Nesan dan See Hua Daily News. Selain itu, ia juga memberi ruang kepada pihak media tempatan di Labuan untuk bertukar-tukar pandangan dengan media nasional tentang WP Labuan.

HAL EHWAL KORPORAT



Program Mesra Rakyat KWPKB Dan Agensi

Pada 19 hingga 20 Jun, jabatan ini telah menyelaras Program Ramah Mesra PL dan KWPKB di WP Labuan. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang rakyat dengan pihak berkuasa tempatan selain mendapat maklum balas warga Labuan berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan Labuan. Jabatan yang terlibat ialah Jabatan Pentadbiran, Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Pengurusan Maklumat, Pengurusan Harta dan Penilaian, Perkhidmatan Perbandaran dan Pelaburan dan Sosio Ekonomi. Manakala, pada 19 hingga 23 Oktober, Perbadanan Labuan turut menyertai Program Mesra Rakyat KWPKB bersama agensi di PWTC sempena Perhimpunan Agong UMNO.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Perbadanan Labuan
Lembaran Imbangsan Pada 31 Disember 2010

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN LABUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

PENYATA KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN LABUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010


Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan perseimbahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan Penyata Kewangan yang disatukan.


(NORLIZA BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 JULAI 2011




PENYATA KEWANGAN

PERBADANAN LABUAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN KUMPULAN)


Kami, Dato' Haji Ahmad Phesal Bin Talib dan Datuk Haji Yussof Bin Haji Mahal yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Labuan pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



(DATO' HJ AHMAD PHEBAL BIN TALIB)
Pengerusi
Perbadanan Labuan
Tarikh: 31 Mac 2011
Tempat: Wilayah Persekutuan
Labuan

Bagi pihak Lembaga,



(DATUK HJ YUSSOF BIN HJ MAHAL)
Ahli Lembaga Pengarah
Perbadanan Labuan
Tarikh: 31 Mac 2011
Tempat: Wilayah Persekutuan
Labuan

PERBADANAN LABUAN


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN LABUAN

Saya, Zainul Abidin Bin Abdullah, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Labuan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh **Zainul Abidin Bin Abdullah**
di Wilayah Persekutuan Labuan
pada **25 MAR 2011**

)
)
)
)



(PESURUHJAYA SUMPAH)

PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		PL	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	221,168,891	241,081,467	221,084,677	240,925,925
Pembinaan Dalam Kemajuan	4	89,121,100	51,244,421	89,121,100	51,244,421
Pelaburan Dalam Subsidiari	5	0	0	700,000	700,000
Pelaburan Hartanah	6	196,763	196,763	0	0
Aset Cukai Tertunda	7	186,000	186,000	0	0
ASET SEMASA					
Stok	8	4,566,250	4,826,250	4,566,250	4,826,250
Penghutang dan Cagaran	9	29,802,708	18,758,048	29,628,510	18,664,084
Tuntutan Cukai Belum Diterima		6,459	2,866	0	0
Pinjaman Kakitangan	10	200,163	247,702	200,163	247,702
Tunai dan Kesetaraan Tunai	11	301,102,723	259,566,813	299,864,596	258,977,370
		335,678,303	283,401,679	334,259,519	282,715,406
LIABILITI SEMASA					
Pembiutang Dan Akruan	12	7,953,202	6,104,244	7,506,403	5,956,128
Overdraft Bank	11	108,878	0	0	0
		8,062,080	6,104,244	7,506,403	5,956,128
ASET SEMASA BERSIH		327,616,223	277,297,435	326,753,116	276,759,278
JUMLAH ASET BERSIH	13	638,288,977	570,006,086	637,658,893	569,629,624
DIBIAYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	14	477,835,029	425,560,406	477,835,029	425,560,406
KUMPULAN WANG PENGURUSAN		154,585,150	137,815,952	153,955,066	137,439,490
		632,420,179	563,376,358	631,790,095	562,999,896
LIABILITI JANGKA PANJANG		5,868,798	6,629,728	5,868,798	6,629,728
Sumbangan Tabung Peningkatan Perkhidmatan		638,288,977	570,006,086	637,658,893	569,629,624

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		PL	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
PENDAPATAN	15	122,023,418	112,671,180	112,493,605	102,919,220
LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI		314,132	476,537	300,705	475,868
		122,337,550	113,147,717	112,794,310	103,395,088
PERBELANJAAN	16	(103,426,289)	(97,562,484)	(94,139,824)	(87,989,921)
FAEDAH OVERDRAF		(1,853)	(1,172)	0	0
LEBIHAN SEBELUM CUKAI		18,909,408	15,584,061	18,654,486	15,405,167
CUKAI	17	(1,300)	(58,678)	0	0
LEBIHAN PENDAPATAN		18,908,108	15,525,383	18,654,486	15,405,167

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN WANG		KUMPULAN WANG		JUMLAH
		PENGURUSAN		PEMBANGUNAN		
		Kumpulan	PL	Kumpulan & PL	Kumpulan	PL
BAKI PADA 1 JANUARI 2010		137,815,952	137,439,490	425,560,406	563,376,358	562,999,896
LEBIHAN BAGI TAHUN		16,769,198	16,515,576	2,138,910	18,908,108	18,654,486
TAMBAHAN DALAM TAHUN		0	0	88,212,800	88,212,800	88,212,800
PELUNASAN GERAN		0	0	(38,077,087)	(38,077,087)	(38,077,087)
BAKI PADA 31 DISEMBER 2010		154,585,150	153,955,066	477,835,029	632,420,179	631,790,095
BAKI PADA 1 JANUARI 2009		125,221,523	124,965,277	455,109,739	580,331,262	580,075,016
LEBIHAN BAGI TAHUN		12,594,429	12,474,213	2,930,954	15,525,383	15,405,167
PELUNASAN GERAN		137,815,952	137,439,490	458,040,693	595,856,645	595,480,183
BAKI PADA 31 DISEMBER 2009		0	0	(32,480,287)	(32,480,287)	(32,480,287)
		137,815,952	137,439,490	425,560,406	563,376,358	562,999,896

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		PL	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi					
Lebihan Pendapatan Dari Kendalian Sebelum Cukai		18,909,408	15,584,061	18,654,486	15,405,167
Pelarasan Untuk Perkara-Perkara Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Dana:		(38,077,087)	(32,480,287)	(38,077,087)	(32,480,287)
Pelunasan Geran		411	0	411	0
Pelupusan Aset Tetap		21,035,933	19,935,416	20,922,653	19,826,839
Susutnilai Aset Tetap		(5,916,349)	(6,924,662)	(5,916,349)	(6,924,662)
Faedah Diterima		1,853	1,172	0	0
Kos Kewangan		(4,045,831)	(3,884,300)	(4,415,886)	(4,172,943)
Penambahan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(10,737,121)	2,276,308	(10,656,887)	2,216,579
(Penambahan)/Pengurangan Dalam Penghutang		1,848,958	1,380,422	1,550,275	1,316,656
Penambahan Dalam Pembiutan		(12,933,994)	(227,570)	(13,522,498)	(639,708)
Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi		(4,893)	(3,544)	0	0
Bayaran Cukai		(1,853)	(1,172)	0	0
Faedah Dibayar		(760,930)	(664,256)	(760,930)	(664,256)
(Pengurangan)/Penambahan Dalam Sumbangan		(13,701,670)	(896,542)	(14,283,428)	(1,303,964)
Tabung Peningkatan Perkhidmatan					
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi					
Aliran Tunai Digunakan Dalam Aktiviti-Aktiviti Pelaburan					
Pembelian Aset Tetap		(39,000,447)	(38,099,814)	(38,958,495)	(38,090,238)
Penambahan Saham Dalam Anak Syarikat		0	0	0	0
Faedah Diterima		5,916,349	6,924,662	5,916,349	6,924,662
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti-Aktiviti Pelaburan		(33,084,098)	(31,175,152)	(33,042,146)	(31,165,576)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan					
Geran Pembangunan Diterima		88,212,800	0	88,212,800	0
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan		88,212,800	0	88,212,800	0
Penambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai					
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari		41,427,032	(32,071,694)	40,887,226	(32,469,540)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember		259,566,813	291,638,507	258,977,370	291,446,910
		300,993,845	259,566,813	299,864,596	258,977,370

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 1 : MAKLUMAT UMUM PERBADANAN LABUAN

- a. Menjadikan Perbadanan sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa;
- b. Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di W.P. Labuan;
- c. Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di W.P. Labuan;
- d. Menjadikan W.P. Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia; dan
- e. Menjadikan Perbadanan sebagai agensi perancang dan pihak berkuasa tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama Perbadanan dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan.

Penyata Kewangan Perbadanan telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan Labuan untuk dibentangkan pada 25 Mac 2011.

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Perbadanan telah disediakan mengikut kos sejarah dan mematuhi piawai-piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia iaitu Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Transaksi dan rekod-rekod dibuat dalam asas akruan dan persembahan penyata kewangan adalah dalam bentuk asas akruan. Semua perbelanjaan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa berdasarkan inbois bertarikh pada tahun yang sama kecuali untuk perbelanjaan projek-projek pembangunan. Inbois yang diterima sebelum 15 Januari tahun berikutnya akan diakrukan sebagai tahun semasa.

(b) Asas Penyatuan

Akaun yang disatukan termasuklah akaun Perbadanan dan subsidiarinya iaitu LDA Labuan (Holdings) Sdn. Bhd. yang mula beroperasi pada tahun kewangan 1996. Urusniaga antara Perbadanan dan subsidiari terhapus berikutan penyatuan dan akaun-akaun disatukan hanya dengan urusniaga luaran sahaja.

(c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk mengenalpasti dan mengawal risiko yang terdedah bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan. Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya dan supaya tidak terlibat dengan transaksi yang berbentuk spekulatif.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)

(c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

(i) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Kumpulan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

(ii) Risiko Kredit

Kumpulan terdedah kepada kerugian berkaitan dengan risiko kredit sekiranya instrument pihak ketiga tidak membayar. Kumpulan tidak menjangka sebarang pihak ketiga yang mempunyai kontrak dengan Kumpulan gagal memenuhi obligasi mereka, kerana Kumpulan berpegang kepada dasar memilih hanya pihak ketiga yang berwibawa dari segi kredit sahaja. Prosedur pemantauan terhadap pengutang dibuat dari masa ke semasa melalui laporan-laporan pengurusan.

(iii) Risiko Kadar Faedah

Pendedahan Kumpulan kepada risiko kadar faedah timbul sebahagian besarnya melalui aset dan tanggungan. Pemantauan terhadap kadar faedah dibuat dan mengambil tindakan sewajarnya jika perlu.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Hartanah bukan milik Perbadanan tidak diasetkan dan diiktiraf sebagai belanja.

Susut nilai ke atas harta, loji dan peralatan telah diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menurunkan kiraan kos harta tersebut sepanjang anggaran hayat kegunaan mereka. Susut nilai telah diperuntukkan pada kadar-kadar berikut:

Butiran Harta	Kadar Susut nilai
Tanah Pajakan	Jangkamasa Pajakan
Bangunan	5%
Perabot dan Kelengkapan	10%
Alat Pejabat	20%
Komputer	20%
Kenderaan dan Kapal	20%
Ubahsuai Bangunan	5%
Aset Tetap Lain	33.33%
Jentera, Mesin dan Peralatan	20%
Kemudahan-Kemudahan Awam	10%

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

(e) Penjejasan Aset

Nilai dibawa aset akan dikaji semula untuk penjejasan apabila terdapat sebarang tanda aset mungkin terjejas. Penjejasan dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah yang lebih tinggi di antara nilai boleh realis bersih dan nilai dalam guna, yang dikira merujuk kepada aliran tunai terdiskaun.

Jumlah boleh pulih dijangka untuk aset individu, atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit janaan tunai. Kerugian akibat penjejasan dicaj serta merta kepada penyata pendapatan, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai.

Penambahan berikut dalam jumlah boleh pulih aset adalah dianggap sebagai penarikbalikan kerugian ditolak penjejasan sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset yang akan ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian akibat penjejasan diiktiraf. Penarikbalikan ini diiktiraf serta merta di dalam penyata pendapatan, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula di dalam kes ini, kebalikan bagi kerugian penjejasan atas aset yang dinilai semula dikreditkan terus kepada lebihan penilaian semula. Walau bagaimanapun, kebalikan bagi kerugian penjejasan diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan, setakat kerugian penjejasan atas aset yang dinilai semula diambilkira terdahulunya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(f) Projek-Projek Pembangunan Jangka Panjang

Projek-Projek pembangunan jangka panjang adalah tanah-tanah yang diperuntukkan untuk pembangunan pada masa depan. Harta-harta ini dinyatakan pada harga kos dan termasuk perbelanjaan permulaan dan perancangan sehingga tarikh lembaran imbangan.

(g) Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambilkira adalah semua perbelanjaan yang terlibat dengan projek berkaitan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke harta tanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)

(h) Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktirafkan di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia timbul dari urusniaga yang diiktirafkan secara langsung di dalam ekuiti, yang mana ianya diiktirafkan sebagai ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, yang boleh dikira pada kadar cukai yang berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbang, dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas.

Cukai tertunda diperuntukan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi permulaan pengiktirafan aset dan liabiliti, yang pada masa urusniaga tidak memberi kesan kepada perakaunan atau pendapatan. Nilai cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbang.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap keuntungan cukai boleh diperolehi yang mana aset tersebut boleh digunakan.

Berdasarkan kepada perenggan 6, Jadual Ke 6, Akta Cukai Pendapatan 1967, Perbadanan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

(i) Stok

Stok dinyatakan pada kos dan nilai realis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang berkaitan.

(j) Penghutang Dan Peruntukan Hutang Lapuk / Hutang Ragu

Penghutang dinyatakan pada nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan disediakan bagi hutang ragu berasaskan kepada kajian khusus baki tertunggak pada tarikh lembaran imbang. Hutang lapuk dihapuskan pada tahun kewangan di mana ia dikenal pasti.

Peruntukan tertentu diambilkira untuk hutang-hutang yang telah dikaji dengan terperinci dan dikenalpasti sebagai lapuk dan ragu. Perbadanan Labuan memperuntukan hutang ragu bagi hutang yang melebihi 3 hingga 4 tahun sebanyak 50%, lebih 4 hingga 5 tahun 75% dan melebihi 5 tahun sebanyak 100%.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)

(k) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta deposit dengan institusi kewangan. Wang mudah tunai adalah pelaburan yang mudah cair, iaitu mudah ditunaikan dalam jangka masa matang yang singkat dan hanya menghadapi risiko perubahan-perubahan nilai yang kecil.

(l) Pemiutang

Pemiutang perlu dibayar dinyatakan pada kos.

(m) Geran Kerajaan Bagi Projek Pembangunan

Geran kerajaan untuk projek pembangunan diiktirafkan sebagai pendapatan tertunda dan akan direalisasikan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.

(n) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ialah kumpulan wang yang diberikan oleh Kerajaan bagi menampung perbelanjaan untuk urus niaga aktiviti pembangunan.

(o) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

(i) Pendapatan

Pendapatan cukai taksiran dan sewaan diiktiraf atas dasar akruan. Diskaun yang diberi diambil kira sebagai pengurangan hasil.

Pendapatan daripada jualan barang diukur pada nilai berpatutan apabila barang diterima dan juga risiko pemilikan telah dipindah milik kepada pembeli.

Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi kewangan diiktiraf berasaskan kepada akruan mengikut kadar faedah yang berkuatkuasa pada ketika itu. Pendapatan faedah daripada akaun semasa diiktiraf apabila bayaran diterima dari bank.

(ii) Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktirafkan dalam akaun apabila barang atau perkhidmatan telah diterima dan serta imbios dan Dokumen berkaitan diterima lengkap diterima pada 31 disember pada tahun semasa.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 2 : DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)

(q) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh kakitangan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktirafkan apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar pada masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktirafkan apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan Caruman Tertentu

Obligasi membuat caruman kepada pelan caruman tertentu diiktirafkan sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Nota 3: Hartanah, Loji dan Peralatan Tahun 2010:

KUMPULAN	KOS				SUSUTNILAI TERKUMPUL				BERSIH
	PADA 01/01/2010 RM	PEMBELIAN PENAMBAHAN RM	PELARASAN/ PELUPUSAN RM	PADA 31/12/2010 RM	PADA 01/01/2009 RM	SUSUTNILAI SEMASA RM	PELARASAN / PELUPUSAN RM	PADA 31/12/2010 RM	PADA 31/12/2010 RM
Tanah milik pajak	52,584,604	0	0	52,584,604	3,813,481	655,366	0	4,468,847	48,115,757
Mesin Dan Peralatan	2,936,760	68,558	0	3,005,318	2,175,216	314,569	0	2,489,785	515,533
Perabot Dan Kelengkapan	2,589,524	85,292	0	2,674,816	1,656,849	239,197	0	1,896,046	778,770
Kenderaan Dan Jentera	11,552,558	327,600	(252,695)	11,627,463	9,999,481	736,836	(252,692)	10,483,625	1,143,838
Kapal	1,195,946	0	0	1,195,946	892,953	136,745	0	1,029,698	166,248
Komputer	6,680,687	631,862	(257,284)	7,055,265	5,302,541	664,706	(256,876)	5,710,371	1,344,894
Aset Tetap Lain	7,264,389		0	7,264,389	7,002,886	211,839	0	7,214,725	49,664
Kemudahan Awam	78,737,912	1,925	0	78,739,837	54,438,444	7,690,825	0	62,129,269	16,610,568
Bangunan	207,079,026	8,531	0	207,087,557	44,258,088	10,385,850	0	54,643,938	152,443,619
JUMLAH	370,621,406	1,123,768	(509,979)	371,235,195	129,539,939	21,035,933	(509,568)	150,066,304	221,168,891

PL	KOS				SUSUTNILAI TERKUMPUL				BERSIH
	PADA 01/01/2010 RM	PEMBELIAN PENAMBAHAN RM	PELARASAN/ PELUPUSAN RM	PADA 31/12/2010 RM	PADA 01/01/2010 RM	SUSUTNILAI SEMASA RM	PELARASAN / PELUPUSAN RM	PADA 31/12/2010 RM	PADA 31/12/2010 RM
Tanah milik pajak	52,584,604	0	0	52,584,604	3,813,481	655,366	0	4,468,847	48,115,757
Mesin Dan Peralatan	2,936,760	68,558	0	3,005,318	2,175,216	314,569	0	2,489,785	515,533
Perabot Dan Kelengkapan	2,235,334	45,265	0	2,280,599	1,387,280	170,089	0	1,557,369	723,230
Kenderaan Dan Jentera	11,356,153	327,600	(252,695)	11,431,058	9,803,078	736,836	(252,692)	10,287,222	1,143,836
Kapal	1,195,946	0	0	1,195,946	892,953	136,745	0	1,029,698	166,248
Komputer	6,680,687	631,862	(257,284)	7,055,265	5,302,541	664,706	(256,876)	5,710,371	1,344,894
Aset Tetap Lain	7,264,389		0	7,264,389	7,002,886	211,839	0	7,214,725	49,664
Kemudahan Awam	78,720,187		0	78,720,187	54,434,109	7,688,948	0	62,123,057	16,597,130
Bangunan	206,867,549	8,531	0	206,876,080	44,104,140	10,343,555	0	54,447,695	152,428,385
JUMLAH	369,841,609	1,081,816	(509,979)	370,413,446	128,915,684	20,922,653	(509,568)	149,328,769	221,084,677

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)
 Nota 3 : Hartanah, Loji dan Peralatan Tahun 2009:

KUMPULAN	KOS				SUSUTNILAI TERKUMPUL				BERSIH
	PADA 01/01/2009	PEMBELIAN PENAMBAHAN	PELARASAN/ PELUPUSAN	PADA 31/12/2009	PADA 01/01/2009	SUSUTNILAI SEMASA	PELARASAN / PELUPUSAN	PADA 31/12/2009	PADA 31/12/2009
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah milik pajak	52,581,604	3,000	0	52,584,604	3,158,118	655,363	0	3,813,481	48,771,123
Mesin Dan Peralatan	2,855,398	81,362	0	2,936,760	1,846,980	328,236	0	2,175,216	761,544
Perabot Dan Kelengkapan	2,508,363	81,161	0	2,589,524	1,425,165	231,684	0	1,656,849	932,675
Kenderaan Dan Jentera	11,051,358	501,200	0	11,552,558	9,088,986	910,495	0	9,999,481	1,553,077
Kapal	1,191,999	3,947	0	1,195,946	756,274	136,679	0	892,953	302,993
Komputer	6,418,354	262,333	0	6,680,687	4,658,089	644,452	0	5,302,541	1,378,146
Aset Tetap Lain	7,212,892	51,497	0	7,264,389	6,644,821	358,065	0	7,002,886	261,503
Kemudahan Awam	78,537,789	200,123	0	78,737,912	46,737,612	7,700,832	0	54,438,444	24,299,468
Bangunan	159,931,922	47,147,104	0	207,079,026	35,288,478	8,969,610	0	44,258,088	162,820,938
JUMLAH	322,289,679	48,331,727	0	370,621,406	109,604,523	19,935,416	0	129,539,939	241,081,467

PL	KOS				SUSUTNILAI TERKUMPUL				BERSIH
	PADA 01/01/2009	PEMBELIAN PENAMBAHAN	PELARASAN/ PELUPUSAN	PADA 31/12/2009	PADA 01/01/2009	SUSUTNILAI SEMASA	PELARASAN / PELUPUSAN	PADA 31/12/2009	PADA 31/12/2009
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah milik pajak	52,581,604	3,000	0	52,584,604	3,158,118	655,363	0	3,813,481	48,771,123
Mesin Dan Peralatan	2,855,398	81,362	0	2,936,760	1,846,980	328,236	0	2,175,216	761,544
Perabot Dan Kelengkapan	2,157,251	78,083	0	2,235,334	1,220,291	166,989	0	1,387,280	848,054
Kenderaan Dan Jentera	10,854,953	501,200	0	11,356,153	8,892,583	910,495	0	9,803,078	1,553,075
Kapal	1,191,999	3,947	0	1,195,946	756,274	136,679	0	892,953	302,993
Komputer	6,418,354	262,333	0	6,680,687	4,658,089	644,452	0	5,302,541	1,378,146
Aset Tetap Lain	7,212,892	51,497	0	7,264,389	6,644,821	358,065	0	7,002,886	261,503
Kemudahan Awam	78,524,444	195,743	0	78,720,187	46,734,944	7,699,165	0	54,434,109	24,286,078
Bangunan	159,722,563	47,144,986	0	206,867,549	35,176,745	8,927,395	0	44,104,140	162,763,409
JUMLAH	321,519,458	48,322,151	0	369,841,609	109,088,84	19,826,839	0	128,915,684	240,925,925

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan) bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 4 : PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN DAN PL	
	2010 RM	2009 RM
1. Pembinaan Pasar Baru Labuan	16,131,104	15,728,999
2. Membina Stesyen Teksi Dan Bas	3,475,039	3,384,563
3. Pusat Komersial Bumiputra & Kompleks Letak Kereta	7,159,066	3,830,047
4. Industri & Hab Halal	28,261,786	14,558,550
5. Penempatan Semula Setinggan Di WP Labuan	7,176,215	1,543,917
6. Renovasi Bangunan Menara Perbadanan Labuan	11,916,243	5,131,554
7. Bengkel dan Stor Sepusat	3,212,346	178,884
8. Perumahan Kakitangan Awam Fasa 3	6,677,336	5,201,641
9. Pembinaan Masjid Kg.Sg. Labu	2,176,886	1,591,668
10. Kedai Teres bagi Penempatan Setinggan	402,761	94,598
11. Taman Rekreasi Padang Golf	855,200	0
12. Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah	268,774	0
13. Eko Pelancongan Kinabenua	1,408,344	0
	89,121,100	51,244,421

NOTA 5 : PELABURAN DALAM SUBSIDIARI Subsidiari

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Saham tidak disebut harga pada kos: LDA Labuan (Holdings) Sdn. Bhd. (i)	0	0	700,000	700,000

Subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dengan 100% saham dipegang oleh Perbadanan Labuan. Aktiviti utama adalah sebagai pemegang pelaburan dan harta tanah, kontraktor am dan pengendali Terminal Feri Antarabangsa Labuan.

Syarikat Bersekutu

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Saham tidak disebut harga pada kos:	0	0	0	0

Syarikat-syarikat Bersekutu milikan Subsidiari adalah diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama syarikat-syarikat tersebut dan peratus ekuiti milikan Kumpulan pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat Bersekutu	Kepentingan Berkuala		Kegiatan Utama
	2010	2009	
Syarikat Usahasama KAM-LDAH Sdn. Bhd. (i) (ii) Labuan Shipyard Industries Sdn. Bhd. (i) (iii)	30%	30%	Pembangunan Hartanah <i>Dormant</i>
	30%	30%	

- (i) Tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.
- (ii) Di bawah pengendalian Penerima dan Pengurus Harta
- (iii) Sedang di dalam proses pembubaran syarikat

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 6 : PELABURAN HARTANAH

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Tanah dipegang untuk cadangan pembangunan dan pembinaan jeti oleh anak Syarikat LDA Labuan (Holdings) Sdn. Bhd.	196,763	196,763	0	0
	196,763	196,763	0	0

NOTA 7 : ASET CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Baki Pada 1 Januari	(186,000)	(244,000)	0	0
Dikreditkan ke Penyata Pendapatan (Nota 17)	0	58,000		
	(186,000)	(186,000)	0	0

NOTA 8 : STOK

Ini adalah sebahagian daripada pembelian 400 unit rumah kos sederhana di Taman Mutiara Sungai Bedau, WP Labuan yang telah siap dibina di mana sejumlah 250 unit adalah untuk dijual manakala selebihnya disewakan. Sebanyak 4 unit sahaja berjaya dijual dalam tahun semasa berbanding 28 unit tahun lalu.

NOTA 9 : PENGHUTANG DAN CAGARAN

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Penghutang Cukai Taksiran Tolak: Elaun Hutang Ragu	2,436,156 (685,224)	2,244,454 (496,250)	2,436,156 (685,224)	2,244,454 (496,250)
Penghutang Sewaan Tolak: Elaun Hutang Ragu	1,750,932	1,748,204	1,750,932	1,748,204
Penghutang Penjualan Rumah	570,855 (336,578)	565,795 0	570,855 (336,578)	565,795
Pendahuluan Kakitangan	234,277	565,795	234,277	565,795
Wang Cagaran/Deposit	63,000	171,290	63,000	171,290
Penghutang Perniagaan	7,406	2,302	7,406	2,302
Pelbagai Penghutang	601,551	413,786	601,551	413,786
Bayaran Pendahuluan Tanah	174,198	93,964	0	0
Faedah Terakru (Deposit dengan institusi Kewangan)	3,380 25,536,586 1,431,378	139,580 13,651,119 1,972,008	3,380 25,536,586 1,431,378	139,580 13,651,119 1,972,008
	29,802,708	18,758,048	29,628,510	18,664,084

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 10 : PINJAMAN KAKITANGAN

	KUMPULAN DAN PL	
	2010 RM	2009 RM
Penghutang Pinjaman Kenderaan	133,284	183,278
Penghutang Pinjaman Komputer	66,879	64,424
	200,163	247,702

NOTA 11 : TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	77,798,926	7,566,813	76,964,596	7,177,370
Deposit Dengan Institusi Kewangan	212,403,797	252,000,000	212,000,000	251,800,000
Wang Dalam Transit	10,900,000	0	10,900,000	0
	301,102,723	259,566,813	299,864,596	258,977,370
Overdraf Bank	(108,878)	0	0	0
	300,993,845	259,566,813	299,864,596	258,977,370

NOTA 12 : PEMIUTANG DAN AKRUAN

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Cagaran Dan Deposit	2,428,791	1,993,785	2,428,791	1,993,785
Pemiutang Pelbagai	5,524,411	4,110,459	5,077,612	3,962,343
	7,953,202	6,104,244	7,506,403	5,956,128

NOTA 13 : KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	KUMPULAN DAN PL	
	2010 RM	2009 RM
Lebihan pendapatan		
Baki pada 1 Januari	58,540,422	55,609,468
Tahun semasa	2,138,910	2,930,954
Baki Pada 31 Disember	60,679,332	58,540,422
Geran Pembangunan		
Baki Pada 1 Januari	367,019,984	399,500,271
Pelarasan Tahun Lalu	-	-
Pemberian Kerajaan Persekutuan	88,212,800	-
	455,232,784	399,500,271
Tolak:		
Geran Pembangunan Dilunaskan	21,336,110	17,220,654
Perbelanjaan Operasi	16,740,977	15,259,633
Susut nilai	38,077,087	32,480,287
Baki Geran Pembangunan Pada 31 Disember	417,155,697	367,019,984
Baki Keseluruhan Kumpulan Wang Pembangunan	477,835,029	425,560,406

NOTA 14 : SUMBANGAN TABUNG PENINGKATAN PERKHIDMATAN

Ini adalah merupakan satu sumbangan yang dikenakan terhadap pihak kontraktor sesuatu bangunan untuk tujuan penyelenggaraan sekiranya terdapat kerosakan di kawasan pembangunan tersebut.

NOTA 15 : PENDAPATAN

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Geran Mengurus	46,990,189	42,984,100	46,990,189	42,984,100
Geran Pembangunan Dilunaskan	38,077,087	32,480,288	38,077,087	32,480,288
Cukai Taksiran	12,246,465	11,634,707	12,246,465	11,634,707
Penjualan Tiket Feri	9,529,813	9,751,960	0	0
Sewaan	2,565,447	2,198,705	2,565,447	2,198,705
Pelbagai Lesen	1,589,620	1,751,409	1,589,620	1,751,409
Yuran Perkhidmatan	158,748	138,896	158,748	138,896
Caruman Bantu Kadar	3,068,539	3,063,414	3,068,539	3,063,414
Denda dan Kompaun	1,582,995	164,959	1,582,995	164,959
Faedah Deposit Dengan Institusi Kewangan	5,809,813	6,766,140	5,809,813	6,766,140
Faedah Akaun Semasa	97,479	147,352	97,479	147,352
Faedah Pinjaman Kenderaan dan Komputer	9,057	11,170	9,057	11,170
Pembahagian Keuntungan Dari Anak Syarikat	48,086	0	48,086	0
Jualan Stok	250,080	1,578,080	250,080	1,578,080
	122,023,418	112,671,180	112,493,605	102,919,220

NOTA 16 : PERBELANJAAN

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Gaji dan Upah	10,634,064	9,964,838	9,428,400	8,960,965
Elaun Tetap	5,711,346	5,522,520	5,711,346	5,522,520
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,730,578	1,791,642	1,730,578	1,654,276
Elaun Lebih Masa	712,071	663,744	712,071	663,744
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	25,410	27,827	25,410	27,827
Imbuhan Tahunan	543,500	249,021	543,500	249,021
Perbelanjaan dan Perjalanan Sarahidup	2,633,680	2,670,669	2,633,680	2,670,669
Pengangkutan Barang-Barang	22,255	10,741	22,255	10,741
Perhubungan dan Utiliti	2,597,297	2,552,483	2,597,297	2,552,483
Sewaan	316,150	336,001	316,150	330,601
Bahan Penyelenggaraan dan Pembaikan	1,020,179	1,089,415	1,020,179	1,089,415
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	4,803,677	1,781,095	4,803,677	1,781,095
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	19,980,151	18,386,252	19,980,151	18,386,252
Bayaran Audit dan Yuran Perakaunan	35,267	34,767	24,767	24,767
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	17,303,121	17,322,250	10,369,646	9,892,195
Aktiviti Pelancongan	2,169,743	965,498	2,169,743	965,498
Sumbangan Kepada Sukan & Rekreasi	350,000	466,000	350,000	466,000
Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat	53,250	14,212	53,250	14,212
Bayaran-Bayaran Lain	6,591,423	5,613,958	5,567,877	4,736,666
Pembangunan Kampung/KPLB/JAKIM	4,371,642	4,362,150	4,371,642	4,362,150
Hartanah Bukan Milik PL	0	1,951,160	0	1,951,160
Elaun Hutang Ragu	525,552	30,825	525,552	30,825
Susutnilai Aset Tetap	21,035,933	19,935,416	20,922,653	19,826,839
Kos Jualan Stok	260,000	1,820,000	260,000	1,820,000
	103,426,289	97,562,484	94,139,824	87,989,921

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

NOTA 17 : CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Cukai Pendapatan Semasa	1,434	134	0	0
Peruntukan Terkurang / (Terlebih) Cukai				
Tahun Sebelum	(134)	544	0	0
Cukai Aset Tertunda (Nota 7)	0	58,000	0	0
	1,300	58,678	0	0

PENYESUAIAN CUKAI

Cukai ke atas Lebihan Sebelum Cukai anak syarikat berbeza dengan amaun teoritikal yang berbangkit jika penggunaan kadar percukaian digunakan seperti berikut:

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Lebihan Sebelum Cukai	18,909,816	15,584,061	0	0
Cukai dikira atas kadar 20%	50,984	35,779	0	0
Perbelanjaan Yang Tidak Boleh Ditolak Untuk Tujuan Cukai	26,941	29,171	0	0
Pendapatan Lain Yang Tertakluk Kepada Cukai	2,685	134	0	0
Elaun Modal Digunakan	(7,167)	(3,433)	0	0
Kerugian Cukai Perniagaan Digunakan	(72,009)	(61,517)	0	0
Peruntukan Terkurang / (Terlebih) Cukai Tahun Lepas	(134)	544	0	0
Cukai Aset Tertunda Diiktirafkan Dalam Tahun Semasa	0	58,000	0	0
	1,300	58,678	0	0

NOTA 18 : MAKLUMAT PARA PEKERJA

	KUMPULAN		PL	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Caruman Majikan - KWSP	430,438	719,735	280,812	582,369
Caruman Majikan - Pencen	1,393,452	1,244,216	1,393,452	1,244,216
Lain-Lain Kos Untuk Kakitangan	19,681,441	18,380,478	18,625,403	17,376,605
	21,505,331	20,344,429	20,299,667	19,203,190

Bilangan pekerja Perbadanan Labuan dan anak Syarikat LDA (Labuan) Holdings Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2010 ialah 586 dan 54 orang sahaja berbanding dengan 582 dan 50 orang pada 31 Disember 2009.

NOTA 19: KOMITMEN KAPITAL DAN KONTRAK

Projek Dilulus Dan Dikontrakkan	HARGA KONTRAK PADA 31/12/2010	KOMITMENT BELUM SELESAI PADA 31/12/2010	HARGA KONTRAK PADA 31/12/2009	KOMITMENT BELUM SELESAI PADA 31/12/2009
1. Pusat Komersial Bumiputra & Kompleks Letak Kereta	11,170,770	4,169,415	11,170,770	7,409,610
2. Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah	1,774,935	814,293	778,670	86,802
3. Pembinaan Marina di WP Labuan	0	0	27,194,253	1,208,932
4. Hakisan Pantai di Sekitar WP Labuan	16,191,481	9,759,005	0	0
5. Kajian Pelan Strategik Pembangunan Labuan	1,565,186	952,708	1,565,186	952,708
6. Sistem Pengkomputeran	2,440,068	1,593,876	0	0
7. Perumahan Kakitangan Awam	28,940,937	5,068,386	29,689,714	7,101,895
8. Pembinaan Gerai / Pusat Penjaja	437,772	59,236	437,772	352,633
9. Pembinaan Pasar Baru Labuan	37,289,770	30,951,689	32,095,990	17,259,994
10. Membina Stesyen Teksi Dan Bas	5,412,728	4,833,083	797,728	297,068
11. Infrastruktur Asas Kg. Air Pelancongan	6,968,799	165,599	6,968,799	670,013
12. Pembangunan Labuan Walk, Jalan Dewan	4,922,988	1,419,838	4,922,988	4,083,470
13. Pembangunan Semula Tapak Pasar Sedia Ada	0	0	832,180	83,624
14. Pembinaan Bengkel dan Stor PL	219,804	40,920	219,804	40,920
15. Kajian Alam Sekitar (EIA) di WP Labuan	1,236,284	19,470	1,236,284	336,921
16. Bangunan Baru Perpustakaan Awam Labuan	6,165,137	1,090,363	6,231,697	2,168,668
17. Penempatan Semula Setinggan, WP Labuan	12,316,463	7,252,265	1,767,373	1,145,901
18. Industri Hab Halal	60,198,434	30,447,198	28,409,888	14,046,120
19. Pengindahan Labuan Taman-Taman Awam	812,714	141,977	812,714	703,015
20. Eko Pelancongan Kinabenua	3,529,528	2,005,658	0	0
21. Masjid Kg. Sg. Labu WP Labuan	2,358,000	216,246	0	0
	203,951,798	101,001,225	155,131,810	57,948,294

NOTA 20 : ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Angka perbandingan telah diselaraskan untuk disesuaikan dengan persembahan akaun tahun semasa.